



akhbar MAHASISWA

Yang dinamik, yang progresif

Universiti Pertanian Malaysia

JILID - BIL. 7

OKTOBER 1991

NC: UPM SERIUS LAKSANA WAWASAN 2020

Oleh: Bakhari Ariff

UNIVERSITI Pertanian Malaysia bersedia merealisasikan wawasan 2020 dengan memperluaskan mahasiswa bukan sahaja dengan ilmu dan kemahiran yang sesuai tetapi juga bagi melahirkan watak yang melahirkan watak yang serba boleh dan bermoral serta mempunyai nilai etika yang kukuh.



Tan Sri Prof. Nayan Ariffin

Naib Canselor, Tan Sri Prof. Nayan Ariffin berkata, universiti akan terlibat secara aktif bagi memenuhi polisi tersebut menjelang wawasan 2020 dan Rancangan Malaysia Keenam.

Dengan ini, penekanan kepada Pembangunan sumber tenaga manusia yang berarahkan pendidikan mahir, dan terlatih serta mempunyai kesanggupan untuk menyahut seruan di bidang sosial-ekonomi dan pembangunan diberi keutamaan.

Beliau berkata demikian di majlis Perasmian Ekspo Pertanian yang bertemakan: Bioteknologi Ke Arah Teknologi Tinggi, sempena konvokesyen ke-15 di bukit ekspo baru-baru ini.

Katanya, peranan dan

tanggungjawab universiti adalah untuk mendidik dan mendedahkan pelajar tentang ilmu pengetahuan dan teknologi yang moden bagi membentuk minda yang positif lagi kreatif.

Selain itu, tambahnya, pelajar sepatutnya menyerapkan nilai-nilai murni sebagai persiapan untuk hidup bagi menghadapi zaman pancaroba yang penuh cabaran menjelang tahun 2020 nanti.

Katanya lagi, tiap-tiap pelajar di UPM adalah berkemampuan untuk menyahut setiap cabaran dan membina kerjaya di samping mengabdikan diri untuk kepentingan masyarakat, negara dan agama.

PERLU WUJUDKAN "A WINNING EDGE"

Oleh: Salmiah Mohd. Ghazali
BP (TESL)

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor Universiti Pertanian Malaysia bertitah supaya diwujudkan "A Winning Edge" jika negara mahu bersaing dengan jayanya dengan negara-negara lain di dalam titah ucapan baginda sewaktu merasmikan Pembukaan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen di Bukit Ekspo pada 15 Ogos 1991.

Titah baginda lagi, perkembangan-perkembangan sistem pengeluaran daripada teknologi mudah kepada teknologi tinggi adalah wajar kerana teknologi tinggi adalah asas untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor bertitah bahawa baginda tertarik hati dengan tema Ekspo Pertanian dan Pesta Kovokesyen yang kelima belas ini iaitu "Bioteknologi ke Arah Teknologi Tinggi" memandangkan bahawa teknologi adalah penting bagi sesebuah negara kerana ianya memberi kesan secara langsung kepada bidang sosial dan ekonomi negara.

Baginda melahirkan rasa sukacita dengan kehadiran para hadirin di Bukit Ekspo dan berha-

rap supaya kesempatan ini dapat digunakan untuk bertukar-tukar idea dengan para saintis dan pelajar universiti di samping melihat dengan lebih dekat perkembangan dan kemajuan universiti setakat ini.

Titah baginda ini, selain daripada tenaga yang mahir dan cukup, negara juga memerlukan sumber tenaga yang efektif.

Ini adalah kerana bagi baginda, negara kita mampu bersaing dengan negara-negara lain sekiranya semua agensi pembangunan dapat bekerjasama dan menyatukan tenaga supaya dapat mencipta "A Winning Edge".

Di dalam titahnya baginda menyeru agar para golongan akademik, saintis dan penyelidik dapat memainkan peranan dengan memberi tekanan yang bersungguh-sungguh dalam penyelidikan bermutu tinggi selaras dengan Rancangan Malaysia Keenam yang memerlukan penyelidikan dan pembangunan dalam pertanian secara berte-



Tuanku Canselor bersama para tetamu lain sedang memerhatikan suatu acara pertandingan kanak-kanak.

Baginda berharap supaya semua pelajar dapat bergiat dengan lebih cergas dalam program akademik dan sentiasa peka dengan perkembangan teknologi begitu juga pada hadirin supaya menyambut baik segala teknik dan pe-

nemuan baru dalam bidang pertanian demi meningkatkan kesejahteraan hidup. Bagi golongan peladang pula, baginda menyeru agar mereka dapat menanam sifat bertani sebagai satu unsur komersial dan keluar dari sistem pengeluaran

sekadar cukup makan. Baginda juga berkenaan untuk merakamkan ucapan terima kasih baginda kepada Universiti Pertanian Malaysia dan semua pegawai yang terlibat dalam menjayakan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen kali ini.

SYABAS PROF. MADYA DR. RAHIM MOHD. SAIL


Tanggal 1 September 1991, tamatlah tempoh pemegangan jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar) UPM oleh Prof. Dr. Sulaiman b. Mohd. Yassin yang telah bermula dari 1 September 1988 (3 tahun lalu).

Jawatan ini bagi musim yang seterusnya disandang oleh Prof. Madya Dr. Rahim Md. Sail.

Sepanjang tiga tahun yang lalu, Prof. Sulaiman telah banyak menabur budi kepada para

pelajar melalui pelbagai aktiviti pelajar. Kelab Akhbar Mahasiswa mewakili kesemua pelajar Universiti Pertanian Malaysia ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas sumbangan beliau di dalam pembinaan sahsiah mahasiswa di sepanjang kariernya.

Gambar-gambar Prof. Sulaiman bersama pelajar semasa beliau memegang jawatan TNC (HEP) di sebelah dalam.



Prof. Madya Dr. Rahim Mohd. Sail

MENARIK DI DALAM

PUSAT KOMPUTER TEROKA ERA BARU	2
KETERAMPILAN DIRI	3
KEBANGKITAN GERAKAN ISLAM DI KAMPUS	4
SEMUSIM YANG BERLALU	6
MALAM CETUSAN RASA	9
BEST FRIEND	10
UNIT HIDROPONIK	11

as/M
1991
13

PUSAT KOMPUTER TEROKA ERA BARU

Susunan: Hasani Hassan

SISTEM-SISTEM aplikasi berkomputer untuk pentadbiran universiti yang sedang berjalan sekarang berada di dalam dua buah CPU yang berbeza, mempunyai struktur fail yang berlainan dan pemprosesan yang tersendiri.

Kaedah ini dianggap kurang praktikal masa kini memandangkan pelajar, kewangan dan kakitangan merupakan tiga entiti utama sebagai penggerak universiti yang mana pengurusan maklumat berkaitannya amat penting dan berteepatan dengan pengurusan dan pentadbiran universiti.

Sistem-sistem seperti pengurusan Hal-Ehwal Pelajar, penjadualan kewangan dan hal-ehwal kakitangan perlu dikomputerkan bersama sistem-sistem yang ada sekarang bagi meningkatkan lagi taraf pengurusan pentadbiran universiti bagi tempoh 5-10 tahun yang akan datang.

Masalah-masalah pengurusan di masa kini seperti kesukaran mendapat maklumat seseorang pelajar atau kakitangan, menganalisa prestasi serta laporan statistik mengenai pelajar dan urusan kewangan

perlu diatasi memandangkan kesulitan timbul akibat penyimpanan rekod-rekod yang berasingan seperti di Bahagian Akademik, fakulti, bendahari, HEP, kolej dan pusat kesihatan.

Setelah menimbang masalah ini dan menjalankan kajian ke-tersauran selama 4 bulan, sekumpulan 7 orang juruanalisa sistem bersama beberapa orang wakil pihak Bendahari, HEP dan Pendaftar telah pun mengusulkan cadangan pembangunan projek Sistem Maklumat Pengurusan untuk Pentadbiran Universiti (SMPPU).

SMPPU ini dapat dilaksanakan mengikut konsep berikut (lihat rajah),

Data Base Pusat – mengandungi data mengenai pelajar, kewangan dan kakitangan.

Aplikasi – merupakan sistem aplikasi berkomputer untuk pemprosesan data dan pertanyaan berstruktur atau secara Ad-hoc.

Perantaraan Pengguna – perkakasan/

perisian yang diperlukan.

Pengguna – Pentadbir tertinggi, pentadbir pertengahan, kakitangan operasi, jawatankuasa-jawatankuasa serta pertubuhan-pertubuhan lain (seperti PALAPES dan sebagainya).

Data Base Pusat ini akan memuatkan lebih 167 entiti yang mengandungi data-data yang diperlukan, bersaiz 5.8



Encik Mohd. Isa Mansor, Pengarah Pusat Komputer UPM.

GBByte untuk memuatkan storan yang dianggarkan terdiri daripada 10,000 rekod pelajar, 4,000 rekod kakitangan serta 1,000 lain-lain rekod transaksi.

Kajian juga menun-


jukkan bahawa terdapat lebih 38 buah sistem aplikasi pemprosesan data yang terdiri daripada sistem maklumat pelajar seperti pendaftaran, penjadualan, rekod peribadi, aktiviti dan lain-lain, sistem maklumat kakitangan seperti rekod peribadi, cuti, latihan, peperiksaan, penempatan dan perumahan; sistem maklumat kewangan seperti gaji, kewangan pelajar, belanjawan dan lain-lain serta juga sistem aplikasi pertanyaan berstruktur seperti sekretariat senat, keselamatan, laporan statistik, kewangan bulanan, kemajuan pelajar dan sebagainya.

Lebih 70 'accessing point' secara on-line akan ditempatkan dan terdiri daripada pentadbir tertinggi, pusat pemprosesan data serta pentadbir pertengahan/kakitangan operasi di jabatan-jabatan atau unit-unit.

Kebanyakan sistem-sistem aplikasi tersebut akan dilaksanakan secara on-line manakala sistem yang memerlukan pemprosesan berkala akan dilaksanakan secara berkelompok (batch). Data juga boleh dimasukkan dan dikemaskinikan di mana-mana punca data.

Tiap-tiap data akan mempunyai kawalan capaian tersendiri dan terhad kepada penggunaan tertentu sahaja, keputusan pemprosesan yang dianggap sulit boleh dipindahkan ke dalam komputer mikro dan tidak disimpan di dalam data base.

Dengan menggunakan perisian-perisian tertentu dan berpandu-



Urusan pendaftaran pelajar baru akan lebih mudah dan teratur bila adanya aplikasi berkomputer

kan kamus data, pengguna dapat memanipulasikan data-data mengikut spesifikasi kehendaknya untuk data base yang disediakan, melalui menu yang dipamerkan juga pengguna boleh memproses sendiri laporan-laporan yang berbentuk piawai.

Dengan menganggarkan 10 hingga 30 buah aturcara tiap satu daripada 38 buah aplikasi dan kadar seorang juruanalisa sistem sepenuh masa untuk menganalisa dan merekabentuk sebuah aplikasi antara 1.5 hingga 2 bulan juga seorang programmer dengan 4 hingga 5 buah aturcara dalam 1 bulan, keseluruhan projek pembangunan SMPPU ini mampu disiapkan dalam masa 30 bulan.

Untuk menampung saiz data yang besar (5.8 GByte) dan bilangan capaian (transaksi pengguna) yang tinggi pada satu-satu ketika, SMPPU ini akan dibina pada komputer kerangka utama yang besar dan anta-


ra perkakasan perisian yang diperlukan ialah RDBMS (relational data base management system), Query Language untuk pengguna, 4th GL dan Communication Headling Software.

Kepentingan SMPPU pada UPM merupakan satu wawasan ke hadapan yang matang yang akan menempatkan UPM ke dalam era di mana maklumat sebagai bahan pengurusan. SMPPU juga penting

untuk mereka 'blueprint' atau 'platform' di mana keperluan-keperluan maklumat dan data boleh diasaskan.

Ia juga akan dapat mengatasi masalah, kekurangan dan kelemahan yang dihadapi oleh universiti pada masa kini dan juga sebagai memenuhi keperluan-keperluan baru dan akan datang.

Sumber: Pusat Komputer, UPM.



SIDANG REDAKSI
akhbar MAHASISWA
 yang dinamik, yang progresif
 Universiti Pertanian Malaysia

Ketua Editor:
 Zain Ariff

Editor:
 Norhanida Noordin Merican
 Hasani Hassan

Ketua Penyunting:
 Saaid Majid

Ketua Rekabentuk:
 Hussain Osman

Ketua Pengedaran:
 Norazuwa Mohd. Pahri

Ketua Pengiklanan:
 Ahmad Jusoh
 Nik Shafirudin Nik Shahar Shah

Pemberita:
 Anggota Kelab Akhbar Mahasiswa

KENANGAN SEORANG ALUMNI

SEBELUM memasuki kampus induk Universiti Pertanian Malaysia (UPM) Serdang, Azwar merupakan pelajar Diploma Pertanian di kampus Sarawak. Dia kemudiannya mendapat kenaikan khas ke Bachelor Pertanian.

Semasa di kampus Serdang, Azwar merupakan pelajar yang aktif dalam pelbagai kegiatan ko-kurikulum, beliau adalah bekas presiden Jawatankuasa Tertinggi Pelajar Kolej Kediaman Kedua pada sesi 1982/83, bekas naib pengerusi Persatuan Fakulti Pertanian, bekas ahli Kelab Kebudayaan UPM dan bekas kumpulan muzik KK2. Beliau juga giat dalam bidang sukan dan pernah menjadi pengerusi bagi lawatan pelajar ke Filipina.

Walaupun sudah lapang tahun beliau meninggalkan kampus ini beliau masih tidak dapat melupakan UPM dan beliau akan singgah di sini jika melalui sekitar

Serdang dan berjumpa dengan orang-orang yang telah banyak mengajar beliau dahulu.

Antara orang yang masih segar dalam ingatan beliau ialah En. Azahari Ismail, En. Yahaya Salim, Dr. Othman Yaakob, Dr. Annuar Rahim, Dr. Hassan Mat, Prof. Madya Dr. Sharifuddin Hj. Abdul Hamid, En. Sha'ari Sawaruddin Pandak Osman, Wong Kok Tai dan ramai lagi.

Beliau menceritakan pengalamannya semasa di sini, terutamanya mengenai Dewan Makan Kolej Kediaman Kedua yang banyak meninggalkan memori lama yang melucukan.

Pernah di suatu ketika, beliau bersama kumpulan pelajar pengembara yang digelar '6 Jahanam' dari kaki lima di bawah Dewan Makan KK2. Walaupun telah banyak kali diberi amaran oleh pengawal keselamatan malahan bangku di tempat mereka se-

lalu 'bertenggek' juga telah diangkat tetapi mereka masih lagi mengacau pelajar perempuan.

Perkara yang paling tidak dapat dilupakan oleh beliau ialah apabila menerima ijazah di Dewan Besar UPM. Kata beliau "Sewaktu itu perasaan saya bercampur-baur dengan rasa bangga, seronok dan gembira kerana apa yang diusahakan selama ini telah berjaya dan lebih bangga lagi apabila ibu bapa saya telah menyaksikan kecemerlangan yang telah saya capai."

Untuk mencapai kejayaan, beliau menasihati pelajar agar pandai membahagi masa antara belajar dan aktiviti ko-kurikulum kerana pelajaran sahaja tidak dapat membantu diri dalam mencari pekerjaan apabila tamat pengajian nanti. Beliau juga menegaskan betapa pentingnya aktiviti ko-kurikulum dalam membentuk sahsiah pelajar dan

membantu keyakinan diri.

Bagi beliau, mengetahui banyak bahasa terutamanya Bahasa Inggeris adalah amat penting, kerana ia bukan sahaja digunakan semasa kita belajar malahan apabila kita menghadapi dunia

luar kelak.

Beliau berharap, pelajar sekarang dapat mengambil berat tentang apa yang berlaku di sekeliling mereka dan bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu perkara khususnya dalam belajar mencari ilmu.



Ko kurikulum penting membentuk sahsiah pelajar.

RENCANA UMUM

REALITI MAHASISWA REMAJA

Alam remaja adalah alam bagi setiap insan merasai kepahitan dan kemanisan kehidupan di dunia ini. Perjalanan hidup remaja mungkin mengambil masa yang panjang, atau singkat bergantung kepada seseorang itu mengendalikan caragaya dia berhadapan dengan alamnya.

Realiti kehidupan mahasiswa remaja jarang dipertikaikan. Sekadar segelintir dari masyarakat sahaja yang mahu memahami masalah mahasiswa remaja, dan ini harus dikekalkan untuk mengubah pemikiran mereka yang belum dapat mencungkil erti kehidupan seorang mahasiswa.

KEPUASAN DAN KEMATANGAN

Kepuasan bagi diri seorang remaja kampus amatlah berbeza. Kepuasan ini bergantung kepada kematangan mereka melakukan sesuatu perkara. Mereka lebih berminat kepada benda-benda baru untuk dicuba, dikaji, dipertontonkan dan sebagainya. Segalanya dilakukan setara dengan jiwa, perasaan dan pemikiran remaja itu sendiri. Samasamalah kita mencari sejauh mana remaja kampus menghabiskan zaman remaja mereka di kampus hijau ini. Benar atau tidak, mereka seharusnya berpeluang mencapai kedewasaan atau lebih sedap didengar, 'lebih matang' di kampus dari berada di luar kampus. 'Perkampungan' yang tersedia wujud ini patut menjamin kematangan remaja kampus kerana media-media dan peralatan-peralatan tertentu sudah siap disediakan oleh universiti. Namun begitu, walau berbagai peluang diberikan kepada mereka ternyata ramai yang masih tercicir dan kehilangan pedoman sehinggalah perlakuan mereka mengiakan segala tuhan masyarakat luar. Sekiranya remaja kampus benar-benar matang, maka kita tidak

akan menyaksikan rata-rata remaja kampus berbual dan tidur di perpustakaan!!

Namun kepuasan dan kematangan ini boleh memburukkan keadaan sama ada keadaan persekitaran atau diri remaja itu sendiri. Mereka akan terapung-apung di tengah-tengah masyarakat kampus, khuatir akan kebolehan diri dan masih terkeliru kerana rana menggugat alam keremajaan mereka. Mereka seperti mahu diabaikan dan kemudian meminta pertolongan secara 'paksa' dari orang lain. Mereka juga mengetaui batas-batas yang dibenarkan, menyedari bahawa mereka masih muda kenyataan tersebut ditolak mentah-mentah. Tidak kurang gelagat negatif yang 'sindrom' kepada mereka yang mungkin ber-



TABAH...semua halangan yang wujud mesti diatasi.

punca dari kesan ketegangan hidup yang dialami di universitikal atau mungkin krisis keperibadian individu itu sendiri??

VISI & HARAPAN

Menurut Profesor Dr. Muhammad Kamal Hassan, sarjana tempat-

an menyifatkan mahasiswa sebenarnya ketandusan idealisme kerana sekatan-sekatan yang dikenakan dalam universiti. Visi mahasiswa tidak berada di peringkat idealisme yang luhur. (MAJALAH UMMI).

Kecacatan visi mereka yang mengelirukan dan tidak dapat dibaca seperti inti sebenar visi tersebut. Ia menjadi sukar dibaca oleh masyarakat sendiri kerana mereka lebih bersifat 'cenderung' kepada 'sogokan' universiti dari bertindak secara profesional.

Semakin hari, semakin tipislah harapan masyarakat terhadap mahasiswa ini kerana sebahagian besarnya menjadi insan yang memburu ijazah dan kerja, bukan mengejar pembentukan peribadi yang unggul di-

fitnah dan kata mengata. (DEWAN MASYARAKAT).

Konflik ini menjadi satu budaya yang diturunkan kepada mahasiswa untuk 'dipertontonkan' atau 'dicontohi'. Malang sekali, mahasiswa mengambil intipati konflik ini sebagai suatu yang baru dan patut dicuba... Mungkin ini dapat menjadi mahasiswa seorang yang kritis lagi membina tetapi terlalu sedikit yang mengerti dan beranggapan konflik suatu permainan yang 'berkepentingan acuh tidak acuh'. Sedar atau tidak semakin ramai kemasukan pelajar ke universiti, semakin ramai yang sinis kepada kesungguhan diri untuk berhadapan dengan pensyarah dan pihak-pihak lain. Mungkinkah ada konflik atau ketidakseimbangan pengawasan universiti terhadap mereka???

SENTIASA RIANG

Menyedari generasi muda sukakan sesuatu yang meriangkan dan menyeronokkan, tidak hairanlah mahasiswa terlupa untuk menjaga diri. Mereka tidak pasti bagaimana lagi untuk menjaga kepentingan masa, melakukan tugas-tugas, tidak menjaga kebersihan rupa diri, tidak menguruskan pengajian atau menggunakan peralatan-peralatan yang telah disediakan oleh universiti-universiti. Walaupun seringkali berbagai aktiviti diketengahkan oleh mahasiswa namun kepanasan keremajaan mereka di hampakan oleh pihak-pihak tertentu.

BEBAN AKADEMIK

Bebanan akademik merupakan masalah yang biasa dihadapi oleh mahasiswa. Di universiti, beberapa gambaran utama yang boleh diperhatikan untuk mengukur tanggungan mahasiswa. Masih ramai mahasiswa remaja yang tidak 'catch-up' secara

terang apa itu akademik dan tanggungjawab mereka terhadap akademik. Segala yang dipelajari lebih kepada ilmu semata-mata tanpa memikirkan masyarakat dan anak bangsa yang amat memerlukan mereka. Tugas-tugas yang diberi semakin memberatkan dan mahasiswa masih terjauh ketinggalan masih mencari jalan penyelesaiannya. Sungguhpun perpustakaan menjadi sumber utama tetapi mereka menjadi lemah kerana terlalu 'bergantung' kepadanya. Hambatan kerja-kerja kuliah boleh menekan perasaan dan jiwa mereka. Penekanan yang seimbang seperti tekanan kepada aspek ketahanan semangat dan kerohanian kurang diberi perhatian oleh universiti. Mahasiswa harus pasti akan menghadapi situasi yang mencabar. Dalam hal yang sebegini, siapakah yang harus menjadi tempat utama bagi remaja kampus mengadu dan menimba ilmu-ilmu kepimpinan serta mencari pengalaman-pengalaman baru. Pendedahan tentang cara kehidupan kampus yang sebenarnya haruslah dilakukan dan remaja harus membuka kembali definisi. "Apa itu mahasiswa?" Dan tujuan berada di universiti ini. Citarasa remaja kampus terhadap realiti haruslah dipelbagaikan supaya mereka tidak buntu dalam menyelesaikan masalah mereka.

Walaupun terdapat rencana begini dipaparkan di dada-dada akhbar dan majalah, namun masalah remaja mahasiswa, khususnya masih belum terjawab. Peningkatan prestasi diri mereka hanya akan mudah berlaku jika ia dibantu oleh sistem-sistem dan struktur yang dianuti oleh masyarakat bagi menolong mereka bergerak kepada pembaharuan Wawasan 2020 yang dicitakan.

Oleh: EWA

MALAYSIA THE WAY FORWARD

BY: FAZILAH ABDULLAH (BAC. PEND. (TESL))

This country must be fully developed in terms of national unity and social cohesion, hence making Malaysia, by the year 2020, a united nation, with a confident Malaysian society, infused by strong moral and ethical values, living in a society that is democratic, liberal and tolerant, caring, economically just and equitable, progressive and prosperous, and in full possession of an economy that is competitive, dynamic, robust and resilient.

However, this goal cannot be fully achieved if Malaysians do nothing to overcome the 9 central strategic challenges which had been outlined by Prime Minister, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, in his paper, 'Malaysia The Way Forward', at the inaugural meeting of Malaysia Business Council on 28 February 1991. These challenges are as follows:

The first of these is the challenge of establishing a united Malaysian nation with a sense of common and shared destiny. This must be a nation at peace with itself, territorially and ethnically integrated, living in harmony and full and fair partnership, made up of one "Bangsa loyalty and dedication to the nation."

The second is the challenge of creating a psychologically liberated, secure, and developed Malaysian society with faith and confidence in itself, justifiably proud of what it is, of what it has accomplished, robust enough to face all manner of adversity. This Malaysian society must be distinguished by the pursuit of excellence, fully aware of all its potentials, psychologically subservient to none, and respected by the people of other nations.

The third challenge we have always faced is that of fostering and developing a mature democratic society, practicing a form of mature consensual, community-oriented Malaysian democracy that can be a model for many developing countries.

The fourth is the challenge of establishing a fully moral and ethical society, whose citizens are strong in religious

and spiritual values and imbued with the highest of ethical standards.

The fifth challenge that we have always faced is the challenge of establishing a mature, liberal and tolerant society in which Malaysians of all colours and creeds are free to practise and profess their customs, cultures and religious beliefs and yet feeling that they belong to one nation.

The sixth is the challenge of establishing a scientific and progressive society, a society that is innovative and forward looking, one that is not only a consumer of technology but also a contributor to the scientific and technological civilisation of the future.

The seventh challenge is the challenge of establishing a fully caring society and a caring culture, a social system in which the welfare of the people will revolve not around the state or the individual but around a strong and resilient family system.

The eighth is the challenge of ensuring an economically just society. This is a society in which there is a fair and equitable distribution of the wealth of the nation, in which there is full partnership economic progress. Such a society cannot be in place so long as there is the identification of race with economic function, and the identification of economic backwardness with race.

The ninth challenge is the challenge of establishing a prosperous society, with an economy that is fully competitive, dynamic, robust and resilient.

Since there is no simple one-shot formula for developing a nation, we should be prepared to be self-critical and willing to make corrections. Additionally, applying what we know to the real situation is an essential.

A university is a means of moving towards the united Malaysian nation. Thus we, the undergraduates, carry the responsibility of creating a society that is knowledgeable, innovative, sensitive, rational, creative, caring and moving towards excellence.

Dr. Mohd. Hatta Shahrom at Experimental Theatre

Harieza Hussin

DR. Mohd. Hatta Shahrom, a psychiatrist of HBKL, was at Experimental Theatre on 7th. August, 1991, giving a talk on 'Family Psychology'. His talk was one of the programmes in "Sambutan Ma'al Hijrah 1412."

The one and half hour

talk was about husband and wife relationship. Dr. Mohd. Hatta coloured his talk by sharing with the audience his experiences and a few cases that he had.

Although the number of audience at that night was not very encouraging, Dr. Mohd. Hatta received a lot of questions after his talk.

There were several ot-

her programmes arranged for the "Sambutan Ma'al Hijrah 1412." YB Dato' Dr. Harun Din, Ustaz Ismail Kamus and Dato' Haji Asri Muda were some of the well known people invited to give talk on their respective fields along the six day programme of "Sambutan Ma'al Hijrah 1412."



Dr. Mohd. Hatta Shahrom

RUANGAN PEMBACA

KEBANGKITAN GERAKAN ISLAM DI KAMPUS

RENAISSANCE adalah satu istilah sejarah yang merujuk kepada satu zaman kebangkitan pada abad ke-15 dan 16. Peristiwa keramat ini merupakan zaman revolusi yang membawa kemajuan di benua Eropah. Situasi ini barangkali merupakan perbandingan kepada gerakan 'kebangkitan' di kampus.

Bila disebut kebangkitan akan tergambar di fikiran kita satu perubahan yang sebelumnya tidak popular. Gerakan ini 'meledak' di kampus-kampus dewasa ini. Gerakan yang paling dominan antaranya PMI (Persatuan Mahasiswa Islam), ABIM (Angkatan Belia Islam Se-Malaysia), IRC (Islamic Representative Council), ARQAM dan Tabligh.

Persoalan yang timbul: adakah gerakan-gerakan Islam ini membawa kemajuan atau keuntungan kepada mahasiswa?

Sesebuah jamaah mempunyai organisasi yang tersendiri yang mana masing-masing ingin menonjolkan yang terbaik. Setiap jamaah lazimnya mendakwa jamaahnya sahaja yang syumul (menyeluruh dan sempurna) dan kadang-kadang berlaku ju-

ga tuduh-menuduh untuk memburukkan jamaah yang lain.

PMI selalunya dikatakan jumud dan mempunyai hubungan sosial yang sempit manakala tabligh dan ARQAM dianggap tidak syumul kerana tidak terlibat dengan arena politik. Begitu juga JIM dikatakan cuba memecahbelahkan PMI dan ABIM pula dianggap pro-kerajaan



Mesyuarat...Islam menggalakkan umatnya bermesyuarat untuk merancang sesuatu tujuan.

yang sifatnya cenderung mengekalkan status quo.

Setiap tahun bila saja tiba kemasukan pelajar baru sesebuah jamaah berlumba-lumba untuk mendapatkan ahli baru. Kadangkala ahli baru dalam dilema untuk memasuki sesebuah ja-

maah.

Selain itu juga, setiap jamaah cenderung untuk menyokong sesebuah pertubuhan parti politik atau sesebuah organisasi yang kukuh. Dan ini merupakan inspirasi yang terus mempersubur sesebuah jamaah itu.

Dalam konteks UPM pula aktivis gerakan Islam menjadi prioriti kepada pelajar untuk me-

hawa mereka terdiri dari pemimpin gerakan Islam. Setidak-tidaknya mereka ahli surau yang tekun ataupun naqib usrah.

Bagaimanapun, gerakan jamaah ini setidak-tidaknya melawan arus kehidupan sekularistik yang juga dominan di kampus UPM sekarang ini.

Dan, bolehlah kita mula berfikir adakah

milih calon MPP (Majlis Perwakilan Pelajar). Jika diperhatikan wakil MPP jelas kelihatan ba-

gerakan kebangkitan jamaah menguntungkan atau sebaliknya!

Oleh: Bakhari Ariff (B.S. (ES))

DESAS-DESUS MASYARAKAT KAMPUS

KEDENGARAN sungsutan-sungsutan beberapa orang pelajar "Er gelaplah jalan-jalan kat UPM ni, terutamanya di sebelah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan berdekatan Pusat Kawalan Keselamatan Pelajar, jalan di hadapan Fakulti Veterinar, selekoh belakang ke KK 6 dan banyak lagi... seram aku". Salah seorang rakannya pula menyampuk "tiang-tiang aje yang terpacak, lampunya tidak menyala".

Aku terdiam dan aku akui sungsutan-sungsutan tadi ada benarnya kerana masalah itu bukanlah satu masalah baru semester ini.

Ia merupakan masalah besar terutamanya kepada pelajar-pelajar yang berjalan kaki untuk pulang, dari kuliah atau perpustakaan pada lewat malam. Tambahan pula di dalam keadaan gelap berbagai bahaya terpaksa dihadapi misalnya bahaya ular, kala, begitu juga gangguan dari orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

"Bagi pasangan-pasangan yang sedang bercinta, gelap itu mungkin suatu keuntungan tetapi tidak bagi aku yang selalu ada kuliah pada waktu malam"

seorang rakannya tiba-tiba mencelah.

Aku cuma tersenyum tetapi seperti mereka aku juga mempunyai harapan yang tinggi agar masalah ini dapat segera diatasi kerana aku juga merupakan salah seorang daripada mereka yang berharap semoga tidak hanya tiang-tiang sahaja yang megah terpacak tetapi lampunya harus menyala. Sewajarnya begitu supaya HILANG GELAP TIMBUL TERANG.

Ada juga aku mendengar desas-desus pelajar yang tidak berpuas hati dengan harga makanan di cafeteria dekat perpustakaan yang dikatakan agak 'melambung' berbanding dengan tempat lain di UPM ini.

Masalah ini bukanlah masalah besar kepada pelajar yang 'loaded' tetapi bagi mereka yang mempunyai kewangan sederhana tambahan pula tidak sempat untuk pulang makan tengah hari di kolej kerana ada kuliah seterusnya atau kerana kolej kediaman mereka terletak jauh di penghujung 'pelosok kampus'.

Bagi mereka yang tinggal di luar kampus pula masalah ini juga merupakan satu masalah yang dianggap agak serius kerana mahu tidak mahu mereka terpaksa membelinya oleh kerana ia terletak paling hampir dengan perpustakaan, lagipun faktor masa juga tidak mengizinkan mereka untuk pulang ke rumah terutamanya mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri.

Adakah ini merupakan masalah segelintir pelajar tersebut sahaja dan tidak perlu difikirkan oleh pihak berkenaan atau golongan yang tidak terlibat?

Kecanggihan kampus adalah terletak kepada keanggunan penghuninya seperti kata salah seorang pensyarah tetapi adakah masyarakat yang tidak peka itu boleh mewujudkan atau dikatakan anggun?

Semoga masalah-masalah ini segera mendapat perhatian yang serius oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Oleh: Rohaidah Omar

'TEMAN KE AJI-NO-MOTO'

Seramai 40 orang ahli Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Makanan Dan Bioteknologi (TEMAN), telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Syarikat Aji-no-moto (M) Berhad, Petaling Jaya pada 25 September 1991 yang lalu.

Lawatan yang di bawah anjuran Setiausaha Perhubungan TEMAN telah diketuai oleh Naib Presiden TEMAN, Saudara Yusuf bin Latif. Objektif utama program lawatan tersebut ialah untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang kejuruteraan makanan, kaedah pemrosesan makanan dan proses-proses lain yang berkaitan dengan kursus pengajian pelajar di kampus.

Dalam program lawatan yang bermula pada jam 2.00 petang dan berakhir jam 5.30 petang itu, ahli-ahli TEMAN telah diberi taklimat mengenai organisasi Syarikat Aji-no-moto (M) Bhd., penerangan mengenai cara-cara serbuk Aji-no-moto dipro-

ses, lawatan ke tempat-tempat pemrosesan dijalankan dan majlis ramah mesra serta juga sesi soal jawab.

Dalam sesi taklimat, Pegawai Perhubungan Sykt. Aji-no-moto (M) Bhd. menerangkan tentang sumbangan pihaknya kepada proses pembelajaran di pusat pengajian tinggi termasuklah menawarkan biasiswa kepada Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi, UPM dan beberapa universiti lain. Ketika ini seramai 2 orang pelajar FSMB telah menerima sumbangan biasiswa dari syarikat tersebut.

Lawatan tersebut telah berjaya mendedahkan kepada pelajar-pelajar UPM mengenai penghasilan sebenar Aji-no-moto, sekaligus ia telah berjaya membuktikan bahawa proses membuat Aji-no-moto dijalankan mengikut prosedur yang betul tanpa menggunakan bahan gelatin haram (tulang babi) sepertimana anggapan sesetengah masyarakat.

SANIAH KORMIN

KEPIMPINAN JANDA BAIK

Kolej Kediaman Kedua telah mengajurkan kursus kepimpinan kali ke-9 selama empat hari di kampung Janda Baik, Pahang. Kursus ini bermula dari 24 hingga 27 Ogos 1991.

Kursus ini telah dirasmikan oleh pengetua KK2 iaitu Encik Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. Turut sama menghadiri diri dalam kursus ini ialah bekas pengetua KK2 iaitu Encik Mahfoor Haji Harron serta keluarga dan beberapa orang fellow KK2 seperti Encik Yaasak Masod dan Encik Shaari Shawaruddin. Pemangku pengurus KK2 serta beberapa orang kakitangan KK2 juga turut menghadiri diri bagi menjayakan kursus tersebut.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan awal tentang kepimpinan kepada para peserta kursus di samping melatih ketahanan mental dan fizikal mereka. Ia juga bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat kepimpinan yang ada pada peserta untuk

menggantikan barisan Jawatankuasa Tertinggi Pelajar KK2 yang akan bersara tidak lama lagi. Sambutan terhadap kursus ini amat menggalakkan sekali di mana 60 peneraan telah dibuka kepada ahli-ahli KK2 telah dipenuhi sehingga panapisan terpaksa dibuat untuk memilih peserta yang benar-benar layak untuk menyertai kursus tersebut. Keutamaan telah diberikan kepada pemohon-pemohon di tahun satu.

Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah LDK, ceramah motivasi oleh pengetua KK2, riadah, pertandingan khemah tercantik, pidato dan sebagainya. Semua aktiviti ini telah dijalankan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pelajar KK2 dengan dibantu oleh beberapa orang fasilitator yang telah dipilih khas.

Secara keseluruhannya kursus ini telah berjalan dengan baik dan lancar. Di sini telah terlonjak bakat-bakat kepimpinan di kalangan peserta-peserta kursus.

Jifrin Mohamad —
Presiden JTP KK2

DILARANG MEMIJAK RUMPUT

PENGHUNI Kampus Hijau permai ini pasti telah membaca malah mungkin telah jemu membaca papan tanda amaran DILARANG MEMIJAK RUMPUT sebaliknya ia dianggap seolah-olah bertulis SILA PIJAK RUMPUT.

"Saya tahu perbuatan saya salah tetapi cuba bayangkan dalam masa 10 minit saya terpaksa berkejar ke bilik-bilik kuliah yang agak jauh, jadi apalagi... saya pi-

melahirkan rasa kesalnya kerana pihak Universiti tidak memikirkan masalah pelajar sebaliknya menyalahkan pelajar semata-mata.

Tambahnya lagi pihak Universiti harus membina jalan 'pintas' yang berturap supaya dapat menjimatkan masa pelajar serta dapat memberi keselesaan apabila hari hujan.

Kalau dilihat di hadapan perpustakaan dan di sebelah kiri Fakulti



KAMPUS INDAH...siapakah yang silap? Pelajar atau pihak lain.

jaklah" kata seorang pelajar yang tidak mahu namanya disiarkan.

Seorang lagi pelajar semester 04 yang mahu namanya dirahsiakan

Perhutanan serta di beberapa tempat lain didapati rumput yang dulunya menghijau kini telah digarisi lorong-lorong kesan laluan pelajar.

pa memikirkan aspek kepentingan pelajar???? Semoga akan terjawab permasalahan ini.

ROHAIDAH OMAR

AKTIVITI KOLEJ

**PERTAMA KALI
DALAM
12 TAHUN**

ROHAIDAH OMAR

Buat julung kalinya dalam sejarah 12 tahun penubuhan Kolej Kediaman Ke-6, satu 'mini' pilihanraya telah diadakan untuk melantik ahli-ahli jawatankuasa tertinggi pelajar bagi sesi 91/92 ini.

Pengetua KK 6, Tuan Hj. Yaakob Ibrahim yang juga penaung pilihanraya ini menyifatkan ia merupakan satu sejarah yang wajar dirakam dalam hati khususnya bagi setiap calon dan penghuni-penghuni kolej amnya.

Selama lebih kurang 2 minggu bermula pada 24 - 29 Julai iaitu hari penamaan calon dan diikuti dengan taklimat ringkas kepada para calon pada 31 Julai.

Calon-calon kemudiannya diberi masa 5 hari untuk berkempen dengan mengadakan rapat umum serta menaikkan poster-poster di sekitar kolej kediaman.

Keghairahan calon-calon berkempen mengakibatkan sekitar kawasan kolej dipenuhi dengan poster-poster dalam masa hanya 2 hari sahaja.

Perang poster telah berlaku! "Di mana terdapat ruang di situ mesti ditampal poster," kata seorang pelajar yang menolong calon untuk menampal dan menggantungkan poster-poster.

Di dalam blok, di papan kenyataan, di sepanjang 'corridor' dan

pada pokok-pokok juga digantungkan poster-poster yang tiada lain bertujuan hanya untuk mendapat tempat di hati para penuntut kolej.

Di sana-sini penghuni kolej bercakap fasal pilihanraya, di dalam bilik, di dewan makan, sambil berjalan malah di mana-mana.

Masing-masing tidak sabar untuk melihat siapakah yang akan muncul sebagai peneraju mereka.

Akhirnya pada 7 Ogos hari pengundian telah diadakan bermula jam 8 pagi hingga 6 petang di bilik rehat Kolej Kediaman Ke-6 dan setiap penghuni kolej diwajibkan mengundi.

Pada malamnya pula, proses pengiraan undi dijalankan oleh ahli-ahli jawatankuasa hari pengundian yang dilantik khas oleh pihak kolej.

Para calon pilihanraya masing-masing dalam kegelisahan menantikan keputusan yang kemudiannya diumumkan oleh En. Awang Ideris Awang Daud Fellow Blok Salak di Jamuan Malam Dusun I.

Majlis makan malam tersebut merupakan acara tradisi kolej pada setiap sesi untuk mengalu-alukan kedatangan para pelajar baru di samping mengeratkan silaturahim sesama penghuni.

Pada malam tersebut, nama-nama calon yang berjaya diumumkan dan pembacaan ikrar diadakan yang diketuai oleh



Tuan Haji Yaakob Ibrahim.

Pengerusi Baru Kolej iaitu Saudara Kamsan Yunus.

Calon-calon lain yang berjaya ialah Saudara Khalid Adnan selaku Timbalan Pengerusi I, Timbalan Pengerusi II Saudara Riad Abd. Malik, Setiausaha Agung Saudari Sabasiah Husain, Penolong Setiausaha Agung Nor Aidil Razman Abd. Manap dan jawatan bendahari pula dipegang oleh Saudara Safaridah Hussin.

Mereka ini dibantu oleh beberapa orang pelajar dari sekretariat-sekretariat lain untuk melancarkan perjalanan pentadbiran baru kolej ini.

Di akhir majlis makan malam tersebut, Tuan Hj. Yaakob pengetua KK 6 melahirkan rasa gembira beliau di atas kerjasama seluruh penghuni kolej sepanjang tempoh pilihanraya dijalankan dan berharap agar ianya dapat diteruskan bagi menaikkan nama kolej di bawah kepimpinan baru ini.

**Kepimpinan
Sebagai
Warisan**

**Dr. Ghizan
Saleh**

"KEPIMPINAN adalah satu warisan yang diperturunkan dari generasi ke generasi, ia kekal walaupun pemegang amanah kepimpinan itu akan bertukar silih berganti." Begitulah di antara ucapan Dr. Ghizan di dalam ucapan penerapannya pada majlis Pewarisan Pemimpin Kolej Kediaman Keempat iaitu pada 7 Ogos 1991.

Majlis Pewarisan Pemimpin itu adalah majlis perletakan jawatan dan perlantikan ahli-ahli Majlis Tertinggi Pelajar bagi sesi 1991/92. Majlis

kān sanggup menjadi peneroka kejayaan yang gigih dan sabar.

Budaya jugalah yang akan menatang peradaban dan seterusnya memeluk erat interaksi antara individu-individu dalam masyarakat tersebut.

Menurut pihak penganjur, pihaknya berusaha sedaya upaya agar Hari Kebudayaan itu memberi manfaat sepenuhnya kepada warga KK3 dan tidak dianggap sebagai satu pesta ceria semata-mata.

Hari Kebudayaan ini akan dirasmikan oleh Pengetua KK3, Prof. Madya Dr. Idris Abdol dan ianya berlangsung selama satu hari.

AHMAD SHAFRIN

**BUDAYA
PENEROKA
KESEMPURNAAN**

Sekretariat Kebudayaan KK3 telah menganjurkan Hari Kebudayaan KK3 yang bertemakan 'Budaya Peneroka Kesempurnaan'.

Menurut pihak penganjur, tema itu dipilih memandangkan perlunya sesuatu masyarakat itu mempunyai budaya mereka sendiri sebagai lambang kesempurnaan masyarakat tersebut.

Masyarakat tanpa budaya adalah ibarat debu tanah yang akan berterbangan dan lenyap apabila ditiup angin.

Melalui budaya juga masyarakat tersebut dapat membangunkan jiwa-jiwa yang kebal dan tekal dengan segala cabaran yang datang bah-

'MINGGU KEBAJIKAN PENDITA'

SEKRETARIAT Kebajikan MPP Kolej Pendita Za'ba, telah menganjurkan 'Minggu Kebajikan Pendita' yang bermula pada 25 September sehingga 9 Oktober 1991, yang telah dirasmikan oleh Pengetua KPZ, Ayahanda Hj Ali bin Yaacob pada 25 September 1991 di dewan makan KPZ.

Dengan bertemakan 'Ke arah Melahirkan Generasi Berbudi dan Berteknologi', objektif program ini ialah mengalakkan penghuni kolej menolong orang yang tidak bernasib baik atau dalam kesusahan, mengeratkan perhubungan penghuni kolej-kolej lain sekitar kampus dan memperkenalkan Sekretariat Kebajikan dan Kolej Pendita Za'ba ke sekitar kampus dan kepada orang luar.

Pengarah program Minggu Kebajikan Pendita Cik Angeline Ng Siew Huan, menyatakan bahawa tujuan asasnya Minggu Kebajikan ini adalah untuk membuat kutipan derma yang akan diderma kepada mereka-mereka yang tidak bernasib baik. Berucap di majlis perasmian tersebut, Ayahanda Ha-



BERBUDI...Tuan Haji Ali Yaacob di Majlis Perasmian Minggu Kebajikan Pendita.

ji Ali menyatakan, "cuba renungkan dalam usia seawal dua puluhan ini, setiap orang telah mula timbul dalam diri mereka sikap untuk menolong. Alangkah baiknya andai suatu masa nanti amalan ini menjadi sebatian dan terus meresap di hati anak-anak penghuni KPZ, dalam membentuk insan penyayang ke arah wawasan 2020".

Beliau juga mengharapkan penghuni KPZ menyahut sahutan kepada program murni ini yang akan lebih mendedkatkan diri kepada salah satu matlamat hidup se-

bagai insan iaitu menolong atau membantu orang-orang yang susah atau kurang berada. Majlis perasmian yang berlangsung selama 2 jam ini diakhiri dengan penyerahan kad pungutan derma Minggu Kebajikan kepada Pengerusi-pengerusi blok Arif, Cendiakawan, Pintar, Bijaksana dan Bistari. Sebagai bermulanya Minggu Kebajikan Pendita ini, suatu acara persembahan telah diadakan di gelanggang antara Blok Pintar dan Bujasana, KPZ.

ANISAH BT. IBRAHIM

**GTP — THE ONLY RADIO
STATION IN CAMPUS**

Gelombang Tun Perak, GTP, is a radio station operated at Kolej Tun Perak. It started its operation officially on 6th of August, 1988. GTP was an idea given by Encik Nordin Kardi, who was the former Pengetua. The studio is established by the fellows of KTP, especially Encik Bunyamin Mohamed, the present adviser of GTP.

With the motto "Teman Study Anda", GTP aired every night with various information around campus for the students. Besides giving



Encik Nordin Kardi

information and entertainment, GTP also functions as a mean of communication. Informations are taken from HEP and the students. The radio programmes are improved from students' feedback.

One major problem faced by people at GTP is the lack of studio equipments. In addition to that, GTP also needs more skilled technicians. They hope to overcome this problem and become a better station. In future, GTP will provide more general knowledge programmes for the students. Gelombang Tun Perak hopes to attract more students to listen to their programmes. They wish that through the programmes students are more aware of the happenings on campus.



Dr. Ghizan Salleh di Majlis Pewarisan Pemimpin.

itu diadakan di Kolej Kediaman Keempat bertempat di Dewan Makan dan dihadiri oleh Tuan Pengetua, Tuan Pengurus, fellow-fellow dan pelajar Kolej Kediaman Keempat.

Adalah menjadi tradi-

si bagi Kolej Kediaman Keempat untuk mengadakan majlis seperti ini.

Aturcara dimulakan dengan bacaan doa selamat oleh Mohd. Thuairi Hj. Tayeb dan diikuti oleh ucapan dari Presi-


**TITIAN
EMAS**

Oleh
AHMAD JUSOH

KOLEJ Kediaman Kedua (KK2) telah menganjurkan program membimbing pelajar baru KK2 bermula dari semester Julai 1991.

Program yang lebih dikenali sebagai 'Titian Emas' ini bertujuan untuk membantu pelajar baru mengenali dan membiasakan diri dengan kehidupan di kampus.

Menurut pengerusi program, Saudara Abd. Kadir Husin, program seumpama ini telah lama dirancang tetapi baru kini ia dapat dilaksanakan dan ia dapat membantu pelajar baru khususnya untuk mencapai kecemerlangan akademik dan juga ko-kurikulum



Abd. Kadir Husin

Tambahnya lagi, perhubungan antara pelajar lama dan baru dapat diwujudkan dengan lebih cepat dan mesra dan ini akan dapat melahirkan warga kolej yang mempunyai keperibadian yang tinggi dengan bimbingan dari pelajar lama.

Mengenai pemilihan abang serta kakak angkat, mereka adalah terdiri dari fasilitator kolej dan juga pelajar lama yang dipilih oleh ketua blok masing-masing dengan peruntukan di mana seorang abang serta kakak angkat diberikan lima atau enam orang adik angkat.

Di samping dapat berkomunikasi antara satu sama lain mereka dapat mengesan bakat kepimpinan dan mengajar mereka menjadi seorang yang bertanggungjawab.

Seorang pelajar baru yang ditemui, Saudara Mohd. Parus Kahar dari program Diploma Pertanian menyatakan dengan adanya program seperti ini akan dapat membantu pelajar-pelajar baru dalam segala hal dunia ini dapat menambah keyakinan diri dalam menempuh alam yang serba baru bagi mereka.

Tambahnya lagi, program ini adalah amat baik dan bernilai bagi dirinya dan patut diteruskan untuk pelajar baru pada sesi akan datang dan seterusnya.

Oleh: Salmiah
BP (TESL)

SEMUSIM YANG LALU...

Prof. Dr. Sulaiman bin Haji Mohd. Yassin sepanjang karier beliau sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar) Universiti Per-

tanian Malaysia dari 1 September 1991. Ikuti beberapa petikan foto yang dapat dikumpulkan oleh kami.



Prof., Timbalan Naib Canselor (Akademik), Pengerusi Majlis, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) di dalam satu majlis 'menghamparkan permaidani' kepada para pelajar baru sesi 91/92.



Prof... dalam kedingin malam, beliau masih mampu berdiri dan memberikan kata-kata perangsang kepada para peserta Ekspedisi Berjalan Kaki Mahasiswa UPM - Dataran Merdeka. Gambar ini dirakamkan pada jam 12.00 malam di pekarangan KK2 pada 10 Mac 1990.



Dalam memberikan ucapan selamat jalan kepada para peserta Ekspedisi Berjalan Kaki Serdang - Port Dickson pada Mac 1989. Upacara ini diadakan pada jam 6.30 pagi di Padang Kawad UPM.



Bersama pelajar dan Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang ketika perasmian Kampung Angkat anjuran PMUPM di Felda Triang Tiga pada 28hb. - 30hb. Mei 1989.



... dalam misinya mengharung jagat ASEAN demi untuk perkembangan personaliti mahasiswa UPM.



... meninjau perjalanan Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar UPM sesi 1990/91 di Kolej Kediaman Ke-2.




Prof. bersama Menteri Pendidikan dan para pelajar baru di Dewan Besar semasa Minggu Orientasi sesi 1989/90, di belakang beliau ialah YDP MPP, Rozman Abdul Kadir.



Bersama Exco Pendidikan Y.B. Haji Jaafar Lajis ketika Majlis Perasmian Bengkel Nilai-nilai Baik Pelajar anjuran Hal-Ehwal Pelajar di Tanjung Bidara, Melaka pada 30 Mac - 1 April 1990.



Berbual bersama pelajar di gerai makan pelajar sempena Ekspo Pertanian 1989, gambar ini dirakamkan pada jam 1.30 pagi.




... dalam saat menghargai maksud juara. Karya ini daripada Majlis Penyampaian Hadiah Johan Debat Interkolej anjuran Kelab Forensik sesi 90/91.



Biar dalam saat apa pun, soalan-soalan ilmu dari pelajar mesti dihuraikan. Prof. bersama Salmiah Mohd. Ghazali (Bac. Pendidikan TESL) dalam satu majlis bersama pelajar.



Prof., Presiden PMUPM sesi 90/91 - Mohamad Ghazali Hamzan dan Pengetua KKCR di Majlis Ramah Mesra KAM dengan ahli-ahli Kelab Akhbar Mahasiswa.



Dari kiri: Encik Fuad, Hasmidah, Prof., Zul, Zumilah dan Sabasiah. Prof. sedang memberikan pandangan serta pendapat terhadap satu tajuk debat kepada pendebat-pendebat UPM.



26 Ogos 1991, Prof. bersama Pengerusi Kelab Akhbar Mahasiswa (KAM), Ahmad Shafrin Abdul Aziz, ketika perasmian halaman kelab berkenaan. Majlis ini adalah majlis terakhir beliau bersama pelajar sebelum meninggalkan jawatan TNC (HEP) pada September 1991.

RENCANA UMUM

PELAJAR MESTI BIJAK EKSPLOITASI KEMUDAHAN

MUHAMMAD ZAWAWI YUSOF
RAHA RAUS

Kelab Akhbar Mahasiswa telah mewawancarai Pengetua Kolej Kediaman Cikgu Rashid (KKCR) Prof. Madya Dr. Yahya Mat Hassan, mengenai tugas dan peranan kolej dan pelajar-pelajar yang tinggal di kolej kediaman. Dalam wawancara itu Prof. Madya Dr. Yahya menyebutkan, "Tugas kolej mestilah selaras dengan falsafah universiti yang kemudiannya diimplimentasikan melalui aktiviti-aktiviti kolej."

Beliau menambah bahawa di antara falsafah universiti yang penting ialah:

a) **Institusi Sejagat**

Iaitu mempunyai ahli yang sentiasa mencari dan mempertahankan kebenaran.

b) **Menara Gading**

Iaitu mencari dan menyedari akan kepentingan ilmu dan sentiasa berusaha mendapatkannya.

c) **Institusi Sosial**

Iaitu dapatan hasil dari kajian berbentuk ilmiah dan akhirnya digunakan untuk kepentingan manusia sejagat.

d) **Gedung Ilmu**

Iaitu universiti tempatan untuk memupuk dan menimba ilmu.

e) **Pusat Kecemerlangan**

Iaitu kecemerlangan yang diperolehi dari universiti digunakan untuk kepentingan dengan masyarakat.

Kata beliau lagi, dari kelima-lima falsafah ini, persamaan yang jelas di antaranya ialah mencari ilmu melalui latihan minda dan sistem berfikir yang teratur. Dengan itu peranan kolej juga berkait rapat dengan persamaan tersebut, iaitu mewujudkan suasana yang harmoni bagi pelajar untuk membolehkan mereka menjadi seorang yang dinamik dan bersifat terbuka.

"Struktur dan kemudahan di kolej kediaman disediakan untuk pembentukan sahsiah pelajar, tapi pelajar mestilah bijak mengeksploitasi kemudahan-kemudahan tersebut ke arah kecemerlangan baik dari segi sahsiah pelajar itu sendiri ataupun akademiknya," kata beliau.

Katanya lagi, "Aktiviti yang dijalankan di kolej adalah untuk mengembangkan potensi pelajar ke arah kecemerlangan, dengan adanya organisasi kolej seperti Majlis Tertinggi Kolej dan biro-bironya seperti kebudayaan, kerohanian dan lain-lain lagi, hasrat ini diharap dapat dicapai. Pelajar harus melihat ini sebagai peluang untuk diri masing-masing."

Bila ditanya mengenai hubungan antara pengetua, fellow dengan pelajar-pelajar, beliau menyatakan, "Perhubungan di antara pelajar dengan pengetua dan fellow dengan pelajar-pelajar boleh dirapatkan melalui aktiviti-aktiviti pelajar yang dirancang dan dijalankan berlandaskan struktur kolej, aktiviti yang dicadangkan oleh pelajar kepada pihak tersebut mestilah mempunyai rasional yang intelektual dan kukuh. Hubungan di antaranya mestilah berjalan dalam suasana kemeraan dan keterbukaan."

Menurut Prof. Madya Dr. Yahya Mat Hassan lagi, peradaban ketimuran haruslah wujud dalam perhubungan tersebut.

Untuk mencapai matlamat kolej, sumbangan pelajar adalah penting, ia mestilah tidak lari dari mendukung tradisi universiti agar pelajar tersebut dapat memberi sumbangan yang bererti kepada masyarakat apabila ia keluar dari kolej



Dr. Yahya Mat Hassan

kelak, tambah beliau.

Apabila ditanya mengenai struktur kolej kediaman, beliau menyatakan bahawa kolej kediaman merupakan sebahagian dari struktur universiti di mana aspek pembentukan watak diberi tekanan. Ia memberi sokongan terhadap keintelektualan, semangat keberibadian pelajar dan peraturan yang lebih mendalam. Berbeza dengan asrama di sekolah yang lebih mementingkan penginapan dan peraturan-peraturan serta penyelesaian hidup di tempat kediaman.

Mengenai hubungan antara penghuni, beliau menyatakan, "Di dalam kolej kediaman hubungan yang harmoni di antara penghuni adalah penting. Dengan wujudnya sistem demokrasi dan tradisi keilmuan yang dijalankan di kolej akan membantu perkembangan hubungan yang lebih baik di antara penghuni."

Dari pengalaman Prof. Madya Dr. Yahya Mat Hassan, sebagai Pengetua Kolej Kediaman Cikgu Rashid, beliau menyatakan bahawa masih banyak lagi aktiviti dan program yang boleh dianjurkan oleh badan pelajar di kolej penerimaan pelajar masih ditahap yang rendah. Pelajar gagal mengambil kesempatan sepenuhnya terhadap kemudahan yang disediakan oleh pihak kolej untuk menambahkan

kemahiran dan kepakaran yang terdapat di kolej. Secara keseluruhannya, pembentukan watak pelajar juga terjejas kerana pelajar tidak faham aspek pembentukan watak.

Beliau juga menyokong pendapat yang menyatakan bahawa "Penciptaan perwatakan mahasiswa yang monyok merupakan satu jenayah negara." Ini berlaku kerana ramai pelajar masih jahil tentang falsafah universiti, konsep kecemerlangan dan budaya ilmu, menurut beliau.

Beliau juga mendapati ramai pelajar gagal memahami sistem malaran mereka menjadi hamba kepada sistem tersebut, oleh itu ia perlu tumpuan yang berisematik diiringi dengan sokongan penasihat akademik.

Di antara saranan beliau berikan kepada pelajar adalah wawasan yang perlu dicari dan direka oleh pelajar sendiri, pelajar juga mesti menerima hakikat bahawa pelajar adalah pelajar dan harus memahami tugas dan peranan sebagai seorang mahasiswa.

Berhubung dengan kepimpinan, beliau merasakan perjalanan pemimpin mahasiswa masih lagi jauh dan konsep demokrasi yang selalu dilaungkan oleh pelajar selama ini masih lagi kabur.

Tambah beliau lagi, sepatutnya kematangan seseorang Islam mempunyai pertalian yang rapat dengan prestasi akademik, tapi apa yang berlaku sekarang perhubungan ini menjadi songsang.

Akhirnya harapan beliau ialah "Saya ingin melihat watak-watak yang mulia dilahirkan di universiti ini mempunyai kebijaksanaan dalam merumuskan suatu kepincangan."

MINGGU MURNI KK3

AHMAD SHAFRIN BIN ABDUL AZIZ



Salah seorang penceramah di Minggu Murni tersebut.

SEKRETARIAT Kerohanian KK3 telah menganjurkan Minggu Murni yang berkonsepkan Islam yang syumul dan pembentukan jiwa yang murni.

Aktiviti yang berlangsung selama tiga hari itu antara lain berobjektifkan peningkatan pengetahuan para warga KK3 dalam hal kerohanian, mengembangkan konsep sebenar Islam sebagai cara hidup dan mengadakan aktiviti berbentuk kerohanian, pendidikan moral serta kenegaraan.

Menurut Pengarah Projek, Saudara Suhaimi Jusoh dan Setiausaha Kerja Saudari Fuziana Bahruddin yang juga merupakan Setiausaha Kerohanian KK3, semangat murni yang ingin diserapkan ialah semangat berlumba-lumba membuat kebajikan,

kerjasama, mengadakan latihan praktikal dalam urusan seperti pengurusan jenazah dan ibadat haji di samping menyelitkan unsur hiburan yang berlandaskan Islam.

"Kami juga menekankan konsep sukan dalam kerohanian dan kepentingannya dalam pembentukan rohani yang baik."

Antara aktiviti yang diadakan ialah Ceramah Maulidur Rasul, Bengkel Praktikal Haji, Sukaneka, Persembahan Maulidur Rasul, Kuiz Antara Tingkat, Pidato Antara Tingkat, Ceramah Umum, Tayangan Video serta aktiviti yang diadakan sepanjang minggu seperti pameran dan kelas fardun ain.

Pengetua KK3, Prof. Madya Dr. Idris Abdol yang turut serta dalam setiap aktiviti Minggu

Murni itu berharap agar para pelajar dapat manfaat sepenuhnya daripada aktiviti ini di samping memahami betapa pentingnya aspek kerohanian dalam melengkapkan sahsiah diri.

Sementara itu, Pengurus AJK Tertinggi KK3, Saudara Abdul Aziz Isa, mengucapkan tahniah kepada Sekretariat Kerohanian yang telah berjaya menganjurkan satu aktiviti yang amat berguna kepada mahasiswa dan berharap agar aktiviti ini akan diteruskan pada masa hadapan.

Aktiviti yang julung-julung kali diadakan di KK3 itu sedikit sebanyak telah berjaya menjelaskan bahawa Islam adalah agama yang menatang kemurnian rohani dan jasmani.

MAHASISWA PERLU MERDEKA

Oleh: Bakhari Ariff

MAHASISWA perlu berusaha sedaya mungkin memerdekakan diri daripada segala ikatan belunggu perosak, kata Ketua penolong pendafatar HEP Encik Yahaya Salim kepada 40 mahasiswa kolej Tun Perak (KTP).

"Kemerdekaan diri akan memungkinkan seseorang untuk melakukan apa saja, sanggup menghadapi cemoahan dan berani menharungi rintangan" katanya semasa kursus kepimpinan mahasiswa di KTP baru-baru ini.

Katanya lagi, kemerdekaan mesti dilihat pada yang positif bukan kemerdekaan yang telanjang

Untuk melaksanakan semangat kemerdekaan dan nilai-nilai baik yang lain perlu diselimiti oleh keyakinan dan ianya benar pada diri alam, peradaban, dan tuhan.

Sementara itu, pengarah bengkel Kepimpinan Mahasiswa, saudara Zerina Begum binti Yusof, merasai bengkel ini sangat berfaedah bagi dirinya kerana telah mengenal erti persahabatan mahasiswa dan betapa indahnya hidup sebagai seorang bergelar mahasiswa.

Beliau yang mengambil program Bachelour Sains Komputer tahun dua sedikit pesimis adakah masa untuknya tinggal di universiti mencukupi bagi beliau memahami, mengerti dan mengamalkan apa yang dipelajari dalam bengkel ini.

"Peradaban yang hendak dibina bukan sahaja dari sudut kecanggihan teknologi tetapi juga dari segi akhlak," katanya yang juga Ketua Biro Pendidikan KTP.

Seorang peserta, saudara Kamarulzaman Abd. Rahman yang

mengambil program Bachelour Sains Teknologi makanan merasa bertuah dapat mengikuti bengkel selama empat hari ini.

Pengajaran yang paling menarik, katanya, kebanyakan pemimpin yang hebat adalah lahir dari sejarah kehidupan yang menyayat. Ini termasuklah Perdana Menteri yang pernah satu ketika menjadi penjual nasi lemak.

Bengkel yang dikendalikan oleh Encik Yahaya Salim ini mempunyai objektif iaitu untuk mencari jawapan kepada persoalan.

- ☆ Apa indahnya menjadi mahasiswa
- ☆ Bagaimana 'wajah' persahabatan mahasiswa dan ke mana jurusnya
- ☆ Menari gading sebagai satu institusi keramat



PENCAPAIAN MATLAMAT...pelajar harus tahu gunakan kemudahan yang ada di universiti ini.

SISWA AKTIF

KURSUS MOTIVASI DAN KECEMERLANGAN AKADEMIK DARI PERSPEKTIF ISLAM

Oleh: ANISAH BINTI IBRAHIM

Persatuan Mahasiswa Islam UPM (PMIUM) telah mengadakan Kursus Motivasi Dan Kecemerlangan Akademik Dari Perspektif Islam bertempat di Dewan Kuliah Ekonomi Pengurusan (DKEP) I, II, III dan IV, Universiti Pertanian Malaysia.

Kursus itu yang bertemakan 'Pengembalian Tradisi Keilmuan Melalui Kecemerlangan' bermula pada 27 hingga 28 Julai dan diadakan sambungan kursus pada 21 Ogos 1991 yang lalu. Ia disertai oleh seramai 150 orang peserta dan peserta-peserta kursus adalah diberi keutamaan kepada pelajar-pelajar tahun pertama. Di antara objektif kursus ialah:-

- i. Memberi motivasi kepada mahasiswa-mahasiswa supaya melahirkan perubahan sikap dan mempraktikkan kecemerlangan sebagai budaya

- ii. Untuk memantapkan keyakinan terhadap kesyukuran Islam sebagai Ad-Deen.
- iii. Melahirkan intelektual Islam yang memahami tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi.



Dr. Mohd. Salleh Haji Hassan

Di dalam ucapan aluannya di majlis perasmian kursus, Pengarah Kursus, Saudara Mohd. Haizam Ahmad telah menekankan tentang Islam sebagai Ad-Deen pernah mendominasi suatu peneroka-

an keilmuan dan menampilkannya dengan menjelaskan hakikat kejadian dan tujuan kehidupan manusia. Menurut beliau, dalam pengabdian diri manusia di ajar erti sabar dan syukur dengan didahului ikhtiar yang maksimum dan seterusnya menjadikan doa sebagai senjata.

Kursus ini telah dirasmikan oleh Dr. Mohd. Salleh bin Haji Hassan, Ketua Jabatan Komunikasi dan Pembangunan PPPL, UPM. Dalam ucapan perasmian beliau ada menyebut;

"Wawasan 2020 yang telah digariskan oleh Perdana Menteri merupakan satu unsur yang perlu dicapai bersama dan memerlukan kerjasama dari semua pihak walaupun tidak dinyatakan dengan jelas tentang Islamnya tetapi saya yakin berdasarkan visinya yang berlandaskan akhlak."



OBS DI ZOO

Oleh: Salmiah Mohd. Ghazali

Kelab Outward Bounders UPM telah mengadakan aktiviti sulung kelab di Zoo Negara pada awal semester Julai 1991/92 iaitu 4 Ogos 1991.

Seramai 20 orang ahli telah terlibat sebagai pekerja sukarela di Zoo Negara.

Jenis-jenis kerja yang dilakukan termasuk mencuci kandang binatang seperti ular, kancil, pelanduk, burung dan anjing laut, memberi makan buaya dan menjaga binatang yang sakit di klinik.

Kerja dimulakan pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 4.00 petang.

Dr. S. Vellayan, Pegawai Veterinar Zoo telah memberi taklimat sebelum dan selepas kerja sukarela diadakan.

Pada akhir sesi perbincangan bersama Dr. S. Vellayan, semua ahli yang terlibat telah menyatakan perasaan gembira dapat merasa pengalaman bekerja di Zoo Negara.

Banyak pengalaman

dan ilmu yang ditimba dari kerja-kerja amal tersebut.

Di antaranya ialah jenis-jenis makanan yang sesuai untuk haiwan seperti orang utan, burung, anjing laut, buaya, ular dan sebagainya.

Ahli Outward Bounders UPM juga berpeluang untuk mengetahui sifat-sifat semulajadi haiwan liar di situ seperti orang utan yang mempunyai perawakan seperti manusia tetapi tahap kecerdasan akal yang rendah.

PENGHARGAAN FASILITATOR

Basir Ibrahim

Bahagian Hal-Ehwal Pelajar telah mengadakan satu majlis penyampaian Sijil Penghargaan kepada fasilitator-fasilitator UPM pada 25 September lalu. Sijil-sijil berkenaan telah disampaikan oleh TNC. HEP, Prof Madya Rahim Sail, dalam majlis yang dihadiri oleh kira-kira 50 orang pelajar dan pegawai-pegawai HEP.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa pemimpin boleh dilihat dari dua sudut iaitu pemimpin yang mengutamakan tanggungjawab dan tugas dan pemimpin yang mengutamakan kemegahan dan perhubungan yang akrab. Pemimpin pertama tambah

beliau adalah orang yang autokratik manakala pemimpin kedua mempunyai kestabilan emosi, fikiran yang lebih matang.

Selain daripada itu beliau juga menyentuh tentang tanggungjawab dan peranan fasilitator terhadap pembawa perubahan dan pembaharuan mengikut lunas-lunas pendidikan. Ruang kosong yang wujud dalam diri pelajar baru perlu diisi dengan sempurna dan tugas itu adalah tugas fasilitator, kata beliau.

Di akhir ucapannya beliau berharap tahun-tahun seterusnya lebih ramai pelajar-pelajar yang akan menampilkan diri secara sukarela untuk menjadi fasilitator.

KBSM SEMINAR

AZIAN HANIM AZMI
B. ED. TESL

On 14th. September, 1991, the TESL Unit, Language Department, Universiti Pertanian Malaysia has organized a KBSM Seminar for the Bachelor of Education (TESL) students at Dewan Syarahan Veterinar, Fakulti Kedokteran Veterinar dan Penternakan Haiwan.

The speakers for the KBSM Seminar are Encik Ramli bin Atan and Puan Judith Arokiasamy. Both of them are from the Curriculum Development Centre, Kementerian Pendidikan Malaysia.

The Head of Language Department, Dr. Jamali bin Ismail had officially opened the KBSM Seminar.

The seminar was attended by the TESL

Unit lecturers and students from the third, fifth and seventh semester.

Puan Judith Arokiasamy had given a talk on two topics. The talks are on 'The Teaching of Oral skills in KBSM' and 'The explanation on the Form 4 and 5 Syllabus'. On the other hand, Encik Ramli bin Atan had given a talk on 'The Intergration in KBSM'.

The function of the KBSM Seminar is to provide information to the trainee teachers so that they are aware of the development of education in Malaysia. The KBSM Seminar has also provided the TESL students with the latest information about the KBSM syllabus for Form 4 and 5 classes.

A CHESS CLUB AT KPZ

On August 28, 1991 with encouragement from the UPM Chess Club, Kolej Pendita Za'ba (KPZ) has established its own chess club, which is also the second college chess club after the Fifth College.

Cik Norazila Abd. Aziz, the Vice President of KPZ Chess Club, who is also a representative from KCUPM, says beside trying to enhance

interest in chess, the club is established due to the need to discover new players to represent this college and university in competitions.

The members registered (26 of them altogether) have different level of experience. Some of them already have some experience in the game and in fact have been in inter-college and inter-university competitions.

Nevertheless many are beginners.

In order for the members to close this gap and share other members' experience, KPZ Chess Club will set up classes teaching techniques in the game. Until then they are having the regular class on every Wednesday at the Fifth College.

According to Cik Norazila the early success

of KPZ Chess Club depends on the oncoming Woman-Closed-Chess-Club Competition which is at KK7 on August 15, 16 and 17.

She says that the success is not measured by the number of winners, but rather by the number of competitors from Kolej Pendita Za'ba.

KETERAMPILAN DIRI

AZIAN HANIM AZMI

Sempena Hari Pendidikan Pendita yang dianjurkan oleh Blok Bijaksana, Kolej Pendita Za'ba, satu ceramah yang bertajuk 'Keterampilan Diri' telah diadakan pada 8hb. September, 1991 bertempat di Dewan Makan Kolej Pendita Za'ba.

Ceramah tersebut telah disampaikan oleh

Prof. Madya Dr. Hj. Mohd. Fadzilah Kamsah yang dijemput dari Pejabat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Pertanian Malaysia.

Seramai 100 orang pelajar Matrikulasi Semester 3 di kolej ini menghadiri ceramah tersebut.

Pengetua Kolej Pendita Za'ba, Haji Ali

bin Yacob dan Encik Arshad Abdul Samad, fellow blok Bijaksana turut menghadiri ceramah tersebut.

Ceramah yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Hj. Mohd. Fadzilah itu adalah mengenai bagaimana seseorang pelajar itu mengenali potensi yang ada pada dirinya dan cara

untuk seseorang pelajar itu dapat menyesuaikan dirinya dalam masyarakat terutamanya masyarakat kampus.

Tujuan diadakan ceramah ini ialah untuk memberi peluang kepada pelajar Matrikulasi Semester 3 menyediakan diri mereka untuk memasuki program Bachelor.

HARI KELUARGA KK2

AHMAD JUSOH

BLOK Rajaudang, Kolej Kediaman Kedua (KK2) telah menjuarai acara keseluruhan pertandingan sempena Hari Keluarga KK2 pada 20-22 September baru-baru ini.

Di antara acara yang dimenangi adalah seperti pertandingan menganyam ketupat, layang-layang, memasak, tarian

dan juga pertandingan mencari harta karun.

Bagi acara menganyam ketupat, Blok Rajaudang telah mendapat sebuah televisyen yang merupakan hadiah pusingan.

Pengerusi Blok Rajaudang, Saudara Marzuki Zainol Nordin berkata, beliau amat bangga dan berpuas hati

dengan pencapaian blok memenangi acara yang dipertandingkan.

Tambahnya lagi penghuni blok telah menunjukkan kesungguhan dalam semua acara dan ini terbukti dengan kemenangan mereka.

Semangat seperti ini seharusnya dikekalkan sampai bila-bila dan tidak terhenti separuh jal-

an sahaja.

Sempena meraikan kemenangan ini semua penghuni Blok Rajaudang telah pergi ke Port Dickson pada 28 September lalu.

Berbagai acara telah dijalankan di sana dan ini bertujuan untuk rapatkan lagi penghuni blok di antara satu sama lain.

SISWA AKTIF

MALAM CETUSAN RASA

AHMAD SHAFRIN BIN ABDUL AZIZ



PERSEMBAHAN...Kumpulan Dikir Barat di Malam Mesra Budi.

Sekretariat Kebudayaan Kolej Kediaman Ketiga Universiti Pertanian Malaysia, telah menganjurkan Malam Cetusan Rasa, baru-baru ini.

Malam Cetusan Rasa yang diadakan di pekarangan kolej, dipenuhi dengan persembahan drama pendek yang berdasarkan sajak, syair, gurindam atau pantun dari lapan buah tingkat siswa dan siswi yang bergabung.


Ia dilangsungkan secara pertandingan dan markah dinilai daripada aspek kekreatifan, keaslian dan kerjasama antara para peserta.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman Ketiga, Prof. Madya Dr. Idris Abdol, para pelajar da-

pat menimba sebanyak mungkin pengalaman daripada persembahan tersebut baik pengalaman berlakon mahupun pengalaman menguruskan satu-satu persembahan di samping dapat menggilap bakat seni para pelajar sendiri.

Sementara itu, Pengarah Bersama Malam Cetusan Rasa, Saudara Hishamuddin Ibrahim dan Saudari Siti Fatimah Abdul Rahman berharap, Malam Cetusan Rasa itu dapat mencungkil bakat-bakat seni warga KK3 untuk diketengahkan di samping memupuk daya kreatif.

Malam Cetusan Rasa tersebut turut dihadiri oleh Saudara Lim Swee Tin selaku tetamu kehormat yang turut men-



Hishamuddin Ibrahim

deklamasikan lima buah sajak beliau.

Majlis itu yang turut diserikan dengan nyanyian oleh warga KK3, telah berjaya menarik tidak kurang daripada 900 orang penonton yang terdiri daripada penghuni KK3 dan penghuni kolej-kolej kediaman yang berhampiran.

DIKIR BARAT

AHMAD BIN JUSOH

SERAMAI 22 orang ahli kumpulan dikir barat UPM telah menyertai pertandingan dikir barat jemputan Selangor/Wilayah di Pasar Budaya, Kuala Lumpur pada 5-12 Oktober baru-baru ini.

Pertandingan ini adalah anjuran Pasar Budaya sempena menyambut Pesta Malaysia 91.

Dalam pertandingan ini kumpulan dikir barat UPM telah membuat persembahan mereka pada 8 Oktober dengan diketuai oleh penyanyinya Saudara Azad Mat dari Kolej Tun Perak.

Sementara itu tukang karutnya adalah Saudara Amran Yusoff dan Saudara Azmin Yusoff, kedua-duanya bekas penghuni Kolej Kediaman Kedua.

Pemain-pemain muzik bagi kumpulan ini adalah terdiri dari pelajar Kolej Kediaman



Kedua.

Menurut Saudara Azmin, persembahan dari kumpulan dikir barat UPM dalam pertandingan ini adalah yang ter-

baik berbanding dengan persembahan mereka yang lalu.

Beliau juga berbangga dengan penyertaan ini kerana ini adalah

pertandingan yang pertama di peringkat negeri, sebelum ini mereka hanya bertanding pada peringkat antara universiti sahaja.

BAHAS BLOK

AHMAD SHAFRIN BIN ABDUL AZIZ



MENEGAS HUJAH...antara peserta bahas tersebut.

Empat blok KK3 iaitu Blok Kenanga, Melur, Mawar dan Melati telah menyertai pertandingan perbahasan yang dianjurkan oleh Sekretariat Kebajikan KK3.

Antara isu yang diba-

haskan ialah mengenai budaya 'rock' yang kian menular di kalangan masyarakat, Akta Universiti serta penswastan universiti.

Menurut Saudara Helmi, Pengarah Per-

andingan ini, pihaknya berharap dengan adanya aktiviti seumpama ini dapatlah pihak kolej mengenal bakat-bakat baru dalam arena perbahasan yang akan dapat mewakili kolej da-

lam pertandingan antara kolej.

Manakala Pengetua KK3, Prof. Madya Dr. Idris Abdol berkata, aktiviti seumpama ini dapat menolong pelajar mempamerkan bakat mereka di samping melatih para pelajar menyampaikan idea dengan berkesan.

Sementara itu, Saudara Nasir Markom yang menjadi ketua hakim dalam pertandingan ini, berharap para peserta perlu lebih bersedia dari segi idea dan penghayatan terhadap tajuk agar setiap isu itu dapat dibahas dengan baik.

Pemenang bahas bagi kategori bahasa Melayu ialah blok Mawar manakala pemenang bagi kategori bahasa Inggeris ialah blok Melati.

Sementara itu Saudara Ishak dari blok Mawar telah dipilih sebagai pembahas terbaik.

ANUGERAH DI MAJLIS KONVOKESYEN

NOR'AZUWA MUHAMAD PAHRI
HAIDAWATI HAJI AINE

PADA Majlis Konvokesyen Ke-15 Universiti Pertanian Malaysia seramai enam orang mahasiswa telah dianugerahkan pingat dan hadiah di dalam kategori Pemenang Hadiah Peringkat Universiti sesi 1990/91.

Pingat Emas Canselor dianugerahkan kepada Saudara Abdul Rahman bin Osman, 24 tahun, yang mengikuti Ijazah Doktor Perubatan Veterinar.

Menurut beliau yang sudah memulakan kerja sebagai tutor di UPM, merasakan dirinya amat diperlukan di UPM dan berminat untuk menjadi seorang pensyarah dari bekerja dengan sektor swasta yang lain.

Bekas Presiden Persatuan Veterinar dan Setiausaha Majlis Tertinggi Pelajar KTP ini menyatakan rahsia kejayaan beliau adalah kerana adanya sifat ke-sungguhan, rasa tidak jemu belajar dan bertawakal kepada Allah ser-

ta menilai pengorbanan masa untuk mencari ilmu.

"Pengaruh kawan juga memainkan peranan yang penting kepada saya dan saya sungguh beruntung mempunyai kawan-kawan yang banyak mendorong pembelajaran saya", tambah beliau.

Bagi Hadiah Anugerah Pelajaran Diraja telah dianugerahkan kepada saudara Mok Kin Wei, Ijazah Sains dan Teknologi Makanan dan Saudari Rahmah bt. Pid, Ijazah sains (Pembangunan Manusia) walau bagaimanapun saudara Rahmah tidak dapat hadir untuk peng-anugerahan itu.

Menurut saudara Kok Kin Wei, kecemerlangan yang dicapainya ini adalah atas dorongan ibunya di samping mengulangkaji apa yang disampaikan oleh pensyarah tanpa melengah-lengahkannya.

"Rujukan kepada bu-

ku-buku di perpustakaan juga perlu untuk kestabilan mencapai kecemerlangan ini", tambah beliau. Kini beliau sedang bekerja di sebuah syarikat swasta di Kuala Lumpur sebagai 'supervisor' dan ingin melanjutkan pelajaran di dalam bidang perniagaan jika beliau mempunyai peluang untuk melanjutkannya.

Penukaran karier dari bidang pemakanan ke bidang perniagaan adalah penting, ini adalah kerana untuk menambatkan pengetahuan dan pengalaman serta memberi peluang mencari pekerjaan di dalam skop yang lebih luas.

Di samping menumpukan perhatian dalam bidang pelajaran, saudara Mok Kin Wei juga aktif di bidang ko-kurikulum, antaranya penglibatan di dalam penulisan majalah fakulti dan kolejnya.



MALANG JANGAN DICARI... kereta Volkswagen ini dihempap dahan pokok angana di Jalan Angsana berhampiran KK4 di dalam kejadian ribut baru-baru ini. Sewaktu kejadian tersebut berlaku, kereta itu diletakkan di situ bersama sebuah kereta lain tanpa menyedari bahaya ranting dan dahan pokok akan patah. Sebuah kereta lagi telah berjaya dikeluarkan sebelum foto ini diharamkan. Berhati-hatilah jika ribut datang lagi.

SILANG KATA (SIRI AM 3) **KELOLAAN: EWA EDA**



Melintang:

1. Ke hadapan
3. Gandakan jadi nama kuih
5. Teknik biak pokok
9. Berdesing; kuat
10. Diharamkan oleh kerajaan
11. Curi tengok
14. Bersungguh-sungguh; bukan main-main
15. Yang tinggal
16. Di... di tengah-tengah
18. Gundah; risau
21. Menerangi
23. Keizinan; mohon kebenaran
24. Sentiasa bersama
26. Orang salah selalu dibuat begini
27. Tidak bernasib baik

Ke bawah:

1. Walaupun hitam manis isinya
2. Gerak di permukaan
4. Tidak kendur
5. Yang kelima dalam seminggu
7. Sebelum beras ditanak
12. Bukan tengah, tapi....
13. Rasanya masam
17. Menetap
21. Fenomena di musim kemarau
22. Tak kena... sikit je lagi!

Kepada anda yang berjaya, sekalung 'tahniah' dari kami (KAM).

Jawapan SILANG KATA (SIRI AM 2) (keluaran Ogos 1991)



BEST FRIEND

I was watching T.V. when I was struck by a statement made by an actor. He put it down that we could never find a friend after 12 years old. That was not the first time I heard that kind of a statement. Once a friend of mine stated that our best friends are those only found in schools. Once it's over, would come along, to stay by our side forever. Surprisingly, in my case it never happens. There are friends in need, indeed. Friends I could trust, I could learn to love. But none however I could call a best friend anymore.

Why is it that necessary to have a best friend? I guess it is easier to tell your friends are merely



friends. But some are lucky. Those are very lucky people, and very few. They actually found best friends after 12, and after their schooldays.

But people like me, like thousands, millions others out there are not so lucky. But still we often hope a friend how I could never feel

like them again. I would never feel the relief to be beside a friend. To know that a person is always there to give you a hand. A person who would share your grieve, who would make you believe everything will be alright. A friend who could smile like an angel and make miracles happen by it.

People would say that is insane. There are no such friends. But these special people exist to some people.

I once had a friend whom I could call a best-friend. She was special to me. Such a friendship

taught me a lot; moments of joy, of hopes, of love. It taught me that silence is a moment of sharing, trusting and understanding, and fear is only a temporary mask of future. Rain, lightning and mud are games that nature plays, so join in and make fun of all that we've got, even for a moment. And

a friend problems than our parents or teachers, counsellors or doctors. It is easier to communicate with people not in authority. People who would listen and understand without taking any action which sometimes worsen the situation. People who could imagine themselves in such situations. But not many could somehow. They just listen, nod and say "I understand". But God knows what they are thinking. Are they laughing at us, or mocking. The kindest would be sympathizing. Still we choose friends to tell tales of our life, miseries that befallen us, hatred that was consuming us, failures that made us look like fools and so on. Perhaps it is because friends do not put up as much hopes and responsibilities on our lives. That made it easier for them to accept situations.

Sometimes spouses could be called best-

friends. But most of the time - they are simply spouses. I, as a woman, find there are things man simply can't understand. And I believe I too can't understand some things in men.

Unfortunately many times friendship of two people of the same sexes are misunderstood. People refused to understand love. Some love are made for parents, for children, spouses, friends and best friends. There are differences between all of these love. Each plays a different role, held different responsibilities.

To a friend, we work together, have fun together, sometimes share problems. But to a best friend, we simply trust, love, care and share secrets; things that we don't even dare to whisper in the dark.

Sometimes I envied some lucky people who actually found their best friends in universities or offices. I know some-

small laughters, brief as they were, are carried with warmth by the wind of time to the death bed.

Now I cannot call her my best friend, for like all friends, they come and go. But the trails she left behind though fading slowly, are printed permanently on the cement of my mind.

I cannot blame the world, or destiny to separate us, to change our course. And I cannot blame memories for being so cruel, making us believe that lingering on it alone, we are free to be young and reckless forever. Or blaming years, or time for turning us into adults.

It is not easy to live alone, without any best-friend to turn to. But somehow everyone seems to manage it quite well. Perhaps it is those memories of schooldays, of childhood years, of youth and best-friends that made it more bearable. Perhaps knowing the joy once felt is enough.



APRESIASI RINDU BUAT SAHABAT (Terlena bersama terjaga)

Pantai Harapanku

Berapa payahnya waktu-waktu resah bersamamu Pantai harapanku menjanjikan kerinduan

Seandainya pantai ini bisa mengerti bahasa hempasan ombak laut yang tak pernah mungkir tentu akan teruap sehelai cinta yang basah

Seandainya pantai ini bisa memahami bisikan sang camar tentu terbina sebuah mahligai bahagia

Kiranya pantai harapanku bisa mengerti rentak nadiku ini tentu akan terjawab resah di dada ombak laut dan mengukir rangkaian manik-manik ombak yang telah terlerai lalu malam-malam di sini akan seindah yang diharapkan

INDAH YANG SEPI

Bunga menguntum indah siraman embun suci dalam kepasrahan berkabus

Dedaun melambai sepuasnya hijau pudar mentari sudah mula menyepi.

Di sebalik wajah bulan mengambang rumput kian kekuningan resah menilik diri yang kelam.

Camar memupuk bayu senja keheningan sambil terpesona pada kebiruan laut merindu dalam kedinginan...

.... dan laut sepi tanpa camar.

.....ASAZ....

Mulanya sahabatku bersama kita mengerti takrif erti sebuah diri yang menjemput kejujuran pemikiran serta pengamatan.

Selepas itu sahabatku bersama juga kita mengerti langit inilah yang kita junjung bumi inilah yang kita pijak kesabaran, keyakinan dan keakraban itulah tagihannya.

Selanjutnya sahabatku mengertilah kita akan peristiwa semalam hayatilah peristiwa hari ini mimpikanlah peristiwa hari muka ukirlah ia menjadi pentas indah penuh bercahaya walaupun keteguhan dan kematangan taruhannya.

Selangkah lagi sahabatku biarlah ia menjadi hujan membasahi bumi menyegarkan pepohon hijau mengisi perut sungai tanpa sesal tanpa rungut penuh setia juga padi itu biasanya tunduk berisi.

Akhirnya sahabatku kesedaran itulah harapan usahlah bimbang semut yang menggigit usahlah khayal mekar bunga di waktu pagi usahlah leka sinaran pelangi selepas gerimis ia cuma sementara!

Pancaran misteri alam jagat dengan berjuta khazanah indah menuntut dibongkar! dihayati! dipamerkan! laut akan berasa senang dengan kebebasan camanya.

Sahabatku kita mengukir di sini kita mencari hakiki tanamkan visi suci lagi tinggi bersamalah dalam detik indah atau detik itu... kesal dengan kelenaan kita?

Berseminya cinta, ASAZ....

RENCANA UMUM

UNIT HIDROPONIK

Oleh: AHMAD JUSOH
JULIAH FADIR

UNIVERSITI Pertanian Malaysia mempunyai Unit Hidroponik yang terletak pada dua lokasi utama iaitu Serdang dan Genting Highlands. Menurut Prof. Madya Khalip Raffar, setiap unit mempunyai lima buah rumah kaca yang luasnya 0.1 hektar bagi setiap satu dan dilengkapi dengan sistem kultur air dalam.

Hidroponik berasal dari perkataan Yunani atau Greek yang bermaksud 'air bekerja'. Air ini dicampurkan dengan unsur-unsur seperti besi dan disalurkan pada tanaman atau tumbuhan. Makanan atau nutrien serta oksigen dibekalkan secara optimum untuk menghasilkan tanaman semaksimal yang boleh. Kemudian larutan nutrien ini akan mengalir keluar dalam satu sistem tertutup secara kitaran.

Sebenarnya tujuan utama sewaktu sistem ini mula diperkenalkan ialah;

1. Untuk memindahkan teknologi hidroponik.
2. Untuk menilai kesesuaian teknologi ini bagi pengeluaran tanaman sayuran dan bunga.
3. Membuat kajian kemungkinan terhadap teknologi ini bagi keadaan tempatan.

Hidroponik ini juga adalah satu cara untuk mengatasi masalah rumput. Kebaikan-kebaikan lain sistem ini ialah ia menghasilkan antara empat hingga lima kali ganda tanaman atau tumbuhan di mana kua-



HASILAN KEMAJUAN...antara tanaman yang diusahakan secara hidroponik.

liti tanaman tersebut ditingkatkan dari segi kandungan vitamin C, kesegaran dan penggunaan bahan kimia yang minimum. Kualiti dan pengurangan penggunaan kimia ini adalah ciri-ciri penting bagi menentukan pasaran sayuran di masa hadapan memandangkan taraf hidup masyarakat yang semakin canggih.

Sistem ini juga mempunyai banyak keistimewaan yang tersendiri dan di antara yang utama ialah:

1. Ianya boleh diamalkan di kawasan tanah tinggi atau tanah pamah bergantung pada jenis tanaman.
2. Ianya boleh dilakukan pada tanaman sayuran, buah-buahan dan tanaman hiasan.
3. Ianya boleh digunakan sepanjang masa tanpa mengira

- musim.
4. Mengeluarkan hasil dalam tempoh yang singkat berbanding dengan sistem konvensional.
5. Ianya tidak memerlukan kawasan yang luas.

Pada pendapat Prof. Madya Khalip, kualiti hasil tanaman atau tumbuhan menggunakan sistem ini adalah 30% lebih baik dari sistem tanaman secara konvensional. Jadi secara tidak langsung hidroponik ini bolehlah dianggap sebagai kilang tumbuhan. Sistem hidroponik mula diperkenalkan pada tahun 1981 di Serdang dan kemudian pada tahun 1983 di Genting Highlands. Beberapa kejayaan telah dicapai setakat ini dan di antaranya ialah:

1. Membentuk formula nutrisi.
2. Mengubahsuaikan sis-

tem ini mengikut keperluan dan keadaan semasa.

3. Melatih ramai pelajar supaya mereka lebih berkemahiran dalam mengendalikan sistem ini.

Memandangkan ianya mempunyai ciri-ciri dan keistimewaan yang tersendiri, maka hidroponik ini dianggap sebagai sistem yang 'versatile'.

Prof. Madya Khalip menaruh harapan agar lebih ramai pekebun-pekebun kecil atau petani-petani mengamalkan sistem ini memandangkan ia mudah dikendalikan dan memberikan hasil yang lumayan. Beliau juga menggalakkan lebih ramai usahawan menggunakan sistem ini bagi pasaran sayuran yang bermutu dan mengandungi bahan kimia yang minimum agar ia menepati konsep kearah melahirkan rakyat Malaysia yang sihat.

BINAAN SIMENFERO

Banyak pengkajian dan penyelidikan tentang bahan-bahan binaan dan binaan dibuat, antara hasil kajian ini termasuklah Simenfero.

Simenfero adalah sejenis binaan konkrit yang mempunyai tetapan dan kekuatan serta ketegarannya diwujudkan melalui susunan dan rupa bentuknya.

Penggunaan simenfero berkembang kerana ia boleh dibentuk kepada bentuk-bentuk yang dikehendaki mengikut kreatif orang yang membuatnya.

Simenfero mempunyai kekuatan dan ketegangan yang tinggi, ini akan bertindak sebagai rintangan kepada hentaman dan kejutan yang

boleh merosakkannya.

Dalam pembuatan simenfero, bahan yang diperlukan untuk proses pembinaan lebih tertumpu kepada bahan-bahan untuk menyediakan rangka iaitu jejaring dawai, bar besi, jejari BRC dan dawai pengikat.

Manakala bahan-bahan lain yang penting adalah simen, pasir halus atau pasir sungai dan juga air bersih untuk membancuh campuran bahan tadi atau lebih dikenali sebagai Bancuhan Mortar.

Penyediaan rangka adalah langkah pertama yang dibuat dalam proses pembinaan, memerlukan satu binaan rangka yang kuat dan

mudah untuk tampalan mortar melekat pada kerangka.

Rangka ini dibentuk dari besi bar atau jejari BRC mengikut kesesuaian binaan, biasanya dua atau tiga lapisan jejaring dawai diikat bersempitan rapat pada tetulang hingga jejaring berada dalam ketegangan yang tinggi.

Mortar kemudiannya ditampal pada kerangka yang dibuat untuk menguatkan bahan. Mortar yang disediakan seharusnya dalam nisbah 1:1:2 (Simen:Air:Pasir) dan digaul sehingga sehati.

Kerja menampal kerangka dijalankan dua peringkat iaitu untuk menurap atau menutup

jejaring dawai dan kerja-kerja untuk 'finishing' atau penghalusan.

Simenfero yang telah siap ditampal perlu dirawat atau diawet dengan mengelakkan ia daripada pengeringan secara mengejut dan boleh menyebabkan permukaan menjadi retak, boleh dilakukan dengan menutup binaan tadi dengan guni yang dibasahkan air selama 7-8 hari.

Kaedah binaan simenfero adalah mudah dan tidak memerlukan kos yang tinggi.

Disesuaikan daripada Laporan Akhir Kursus Simenfero Sesi 1990/91

PERPUSTAKAAN UPM

HAI DAWATI AINE
RAHA AHMAD RAUS

PERPUSTAKAAN Universiti Pertanian Malaysia (UPM) telah ditubuhkan pada Ogos 1973. Perpustakaan ini bertujuan menolong kegiatan pembelajaran, pengajian, penyelidikan dan pengembangan yang dijalankan di universiti ini. Konsep utama kewujudan perpustakaan ini adalah untuk kegunaan mahasiswa sepenuhnya.

Perpustakaan UPM telah menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan. Perkhidmatan yang disediakan terbahagi kepada beberapa bahagian, antaranya perkhidmatan pembaca, perkhidmatan rujukan, perkhidmatan pencarian maklumat, perkhidmatan Beriteks dan sebagainya. Kemudahan bilik perbincangan, bilik serbaguna, mesin taip dan bilik bacaan ringan juga disediakan untuk kegunaan mahasiswa.

Bangunan perpustakaan terbahagi kepada dua blok iaitu Blok A dan Blok B. Pelbagai koleksi perpustakaan boleh didapati dari kedua-dua blok ini. Sebahagiannya terdiri daripada koleksi buku, koleksi terbitan bersiri dan koleksi alat pandang dengar (APD). Koleksi buku pinjaman biasa boleh didapati di tingkat dua Blok A manakala koleksi alat pandang dengar yang menyediakan filem, mikrofilem, pita video, koleksi peta terletak di bahagian bawah Blok A.

Pada tingkat satu Blok B, terdapat koleksi buku berbintik merah yang mengandungi soalan-soalan peperiksaan, laporan-laporan ladang, kongsi pelajar-pelajar tahun akhir dan jurnal-jurnal tempatan yang berjilid. Bahan-bahan yang diterbitkan di dalam atau di luar Malaysia yang secara keseluru-


hannya atau sebahagian besar berhubung dengan Malaysia terletak di tingkat dua Blok A.

Salah seorang pegawai perpustakaan, Puan Kamsiah Mohd. Ali memberitahu bahawa perkhidmatan terbaru yang disediakan oleh pihak perpustakaan ialah perkhidmatan komputer. Perkhidmatan ini adalah kesinambungan kepada penggunaan mikrofilm.

Apabila ditanya mengenai masalah yang timbul, beliau berkata, "banyak masalah timbul dari sikap pengguna yang tidak tahu menggunakan perpustakaan

pustaka dalam menyenaraikan buku-buku rujukan untuk pelajar kerana banyak aduan menyatakan bahawa buku-buku yang dikehendaki oleh pelajar tidak terdapat di perpustakaan.

Tambah beliau lagi, pelajar mestilah pandai menggunakan kemudahan di perpustakaan sepenuhnya dan bukan hanya sebagai tempat menyelesaikan kertas kerja sahaja. Pelajar juga digalakkan menghungi perpustakaan apabila menghadapi sebarang masalah yang berkaitan dengan perpustakaan.



TERSUSUN INDAH...perpustakaan sebagai tempat rujukan, bukan muzium buku.

mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan."

Semenjak akhir-akhir ini kejadian kecurian barang persendirian semakin menjadi-jadi dan pelajar diminta berhati-hati semasa meninggalkan barang-barang kepunyaan mereka di perpustakaan.

Beliau berharap pen-syarah dapat bekerjasama dengan pihak per-

Walaupun ramai pelajar menyatakan tanpa perpustakaan mereka juga boleh memiliki ijazah tetapi untuk mendapatkan ijazah yang cemerlang adalah mustahil. Oleh itu pelajar diseru menggunakan perpustakaan secara berkesan bagi menjamin kejayaan yang maksimum seterusnya menolong dalam mencari pekerjaan kelak.



DI HALAMAN... simenfero boleh digunakan untuk membina taman atau halaman rumah agar lebih menarik.

SUKAN UPM

14 P.E. STUDENTS TO AUSTRALIA

By: Salmiah Mohd. Ghazali
BP (TESL)

Fourteen students from the Physical Education Unit of UPM Faculty of Educational Studies went to Perth, Australia as participants of Study Tour Programme from June 23 until July 1, 1991.

The Organising Chairman, Abdul Muttalip Abd. Ghani said that the tour was initiated to enable them to gain knowledge and first hand experience of Sports Sciences and Sports Management in a more developed environment so that this will

be a great benefit as they pursue their career in Physical Education and Sports.

All the students involved are the fifth semester students of Bachelor of Physical Education, UPM.

All the participants stayed at University of Western Australia which is the best of this programme.

Among the activities in the study tour are general tour of University of Western Australia, visits to the Ministry of Sports and Recreation,

a few primary and secondary schools, the Senior Colleges (Canning and Tuart), and Sports Complexes in Perth. Other activities are demonstrations of the game of Sepak Takraw, friendly football match and a meeting with currently Malaysians Students studying in University of Western Australia or UWA.

To Norzah Abdul Ghani, one of the participants in this programme said that this tour gave her more experience and knowledge in human and moral values there.

"I see that most of them are very friendly and they respected us as their visitors. Their manners attracted me specially on how easily they obey the rules like in the bus stop and in the dining hall."

She recalled of how the students there watched the television silently in the dark which is a contrast here.

"But of course I only picked up the good examples of their moral values only, personally I admire some of their manners although we seldom heard people said about Western va-

lues as polite as the Eastern values.

She said that all of them at ease during the whole tour.

They felt really secured although the university is not a fenced up area and no security guards around, so do the shopping complexes around.

Norzah advised students of UPM should not miss their chances of visiting other countries because first hand experiences cannot be compared with money and the opportunity is easy to grab during their studies.

BOLA KERANJANG

WAN AIDA WAN HASSAN

PASUKAN bola keranjang UPM muncul sebagai juara dalam Kejohanan Bola Keranjang (wanita) yang berlangsung selama seminggu sempena Pesta Sukan Konvo Ke-15 UPM baru-baru ini.

Kejohanan yang bermula pada 7 Ogos dan berakhir pada 13 Ogos 1991 itu telah dirasmikan oleh ADUN Sri Kembangan, Dato' Yap Piau Hon.

Sebanyak enam pasukan telah mengambil bahagian dalam kejohanan itu termasuk pasukan UPM, Sri Kembangan dan Sekolah Menengah Kuen Cheng di dalam Kumplan A manakala Kumpulan B pula terdiri daripada Persatuan Bola Keranjang Kelang, Lian Ching dan Sekolah Menengah Sri Puteri.

Di peringkat awal, pasukan UPM berjaya mengalahkan pasukan Sri Kembangan dengan 75-56 tetapi tewas di da-

lam permainan kedua-mereka bertemu pasukan Kuen Cheng dengan keputusan 48-56.

Di peringkat separuh akhir, pasukan UPM menewaskan pasukan Lian Ching dengan keputusan 68-61 manakala pasukan Kuen Cheng pula menewaskan pasukan Kelang dengan keputusan 71-48. Dengan kejayaan tersebut, kedua-dua pasukan, UPM dan Kuen Cheng melayakkan diri ke perlawanan akhir.

Dalam perlawanan akhir yang berlangsung pada 13 Ogos, UPM berjaya menewaskan pasukan Kuen Cheng dengan keputusan 52-45, dengan itu muncul sebagai juara bagi kejohanan tersebut.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Dr. Wan Sabri Wan Mansor, penasihat pasukan bola keranjang UPM di dalam acara penutup kejohanan tersebut.

Harlequin (*Rasbora heteromorpha*)

Kawasan perairan semula jadi di Malaysia merupakan habitat yang sesuai bagi berbagai jenis ikan tropika yang menarik. Pada masa kini, terdapat lebih dari 100 spesies ikan akuarium diekspor dari Malaysia dan pada tahun 1989, Malaysia telah mengeluarkan 71 juta ekor ikan akuarium yang bernilai M\$16.3 juta ringgit (Anon, 1990). Salah satu daripada ikan akuarium yang popular yang dikeluarkan ialah ikan Bada Seluang dan pada tahun 1988 ikan Bada Seluang merupakan ikan yang kedua banyak dikeluarkan di negeri Johor (Lim dan Gopinath, 1989).

Ikan Bada Seluang atau lebih dikenal dengan nama bahasa Inggerisnya Harlequin (*Rasbora heteromorpha*) merupakan satu spesies ikan akuarium yang popular di kalangan peminat ikan akuarium kerana ia mempunyai warna badan yang menarik dan saiznya yang kecil dan comel. Ikan harlequin ini boleh didapati di Malaysia, Singapura dan Sumatra Timur. Harga ikan ini di kedai akuarium Malaysia ialah antara \$0.40 hingga \$0.50 seekor.

Secara semula jadinya ikan ini boleh hidup dalam 2 jenis perairan yang terletak di kawasan tanah rendah di mana air sungai mengalir secara sederhana hingga deras (10-65 cm/s) dan juga di kawasan paya dan kawasan banjir yang berhubung dengan sungai tersebut. Air yang disukai biasanya adalah jernih dan kadang-kadang tercemar dengan bahan-bahan organik tanpa warna, atau dengan bahan-bahan humus yang berwarna ku-

ning dengan kesan-kesan besi (Hoedema, 1974).

Jantina ikan harlequin boleh dibezakan dengan 3 cara iaitu: Garisan yang berwarna emas di atas segitiga hitam menunjukkan warna yang lebih merah bagi ikan jantan; sudut bawah hadapan segitiga hitam juga lebih tajam bagi ikan jantan dan menganjur hingga ke bahagian menegak segitiga hitam itu untuk membentuk satu mata kail yang kecil. Untuk ikan matang, ikan betina boleh dikenali dengan senang dengan perutnya yang lebih bulat (sila rujuk Rajah 1) (Earl, 1966).

Bekalan ikan harlequin yang diniagakan hanya diperolehi dari perairan umum seperti sungai. Walau bagaimanapun usaha mengutip ikan dari kawasan tersebut mula terjejas akibat pencemaran dari bahan sampingan perindustrian dan aktiviti pertanian secara besar-besaran yang banyak mengguna-

kan racun serangga dan bahan kimia. Kerosakan ekologi sungai mengakibatkan kemusnahan sumber-sumber ikan di kawasan yang terlibat. Keadaan ini menyebabkan berkembangnya usaha membiak ikan-ikan perhiasan tersebut di dalam tangki atau kolam-kolam buatan.

Pengetahuan tentang ikan Harlequin terutama dari segi keperluan mutu air, pembiakan dan semaian ikan adalah kekurangan. Untuk memberi sumbangan kepada perkembangan industri ikan akuarium ini, pensyarah-pensyarah di Fakulti Perikanan dan Sains Samudera, UPM seperti Prof. Dr. Ang Kok Jee dan En. Cheah Sin Hock serta pembantu penyelidik Cik. Yeo Moi Eim sedang membuat kajian tentang pembiakan dan kultur ikan akuarium. Kumpulan penyelidik ini mendapat bantuan kewangan daripada IRPA (Intensification of Research in Priority Areas)

dan dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak M\$98,931 diperuntukkan untuk tahun 1991 bagi kumpulan ini.

Bahan Rujukan:
Anonymous. 1990. Perangkaan tahunan perikanan tahun 1989.

Jabatan perikanan, Kementerian Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur.

Earl Schneider. 1966. All about breeding tropical fishes.

T.F.H. Publications, Inc. Ltd. 127pp.

Hoedema, J.J. 1974. Naturalists' Guide to freshwater aquarium fish. Sterling Publishing Co., Inc. New York. 1152pp.

Lim K.T. and N. Gopinath. 1989. The status of the aquarium fish industry in the state of Johore, p. 17-21. In: F.M. Yusoff and K.T. Siow (eds.) The proceedings of Aquarium Fish Industry - A New Frontier. Malaysian Fisheries Society, Johor Bahru, Malaysia.

Ringkas

Oleh: HUSAIN OSMAN

UPM menjadi tempat penginapan dan gelanggang kepada Pesta Sukan Hari Kebangsaan Peringkat Nasional Ke-2 sepanjang lima hari berakhir 31 Ogos lalu.


Antara acara sukan yang dipertandingkan dalam pesta sukan ini termasuklah bola sepak, sepak takraw, bola jaring, badminton dan menyempit.

Bagi bola sepak dan bola jaring dipertandingkan dalam dua bahagian untuk belia dan veteran.

Sebanyak 14 pasukan negeri mengambil bahagian termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.



Pembantu penyelidik, Cik Yeo Moi Eim.



Rajah 1: Ikan Harlequin (*Rasbora heteromorpha*)

3RD. HAD A FIELD DAY!

THIRD College completed their most successful sports outing this semester in style after emerging the Overall Champion for the Inter-College Track and Field Championships which concluded recently.

It was an exciting finish to a series of Inter-College sports-meets as the outstanding sportsmen and sportswomen won their medals with a typical display of sheer guts, determination and above all, sportsmanship.

3rd. College had a field day not only on the track but had emerged the Overall Champion for this year's Inter-College Cross Campus and Road Relay which were held a couple of weeks before the Track and Field Championships. They had successfully defended the three titles they won last year.

The collegestent the largest number of participants for the Inter-College Cross Campus which was on July 31. There were about 400 runners representing the college. The team did lived up to the expectations of UPM's sports enthusiasts especially their supporters by grabbing the first sport for both men and women sections through Indran and Thiruchelvi. In the women section, 3rd. College also won the 2nd., 3rd., 4th., 5th. and 6th. placing through Lee Mei Lin, Cheang Mei Chuin, Cassandra Chan,

Lim Poh Hong and Angeline respectively. The first runner who succeeded in breaking this '3rd. chain' was Wong Cheui Keen from 2nd. College who was the 7th. runner to reach the finishing line. In the men section, Albert Andau (4th. College) won the second place and Sugumaran (2nd. College) won the third place.

In this year's Cross Campus, 2nd. College was the runner-up while 4th. College took the third place. Once again, 3rd. College was the team of the day during the Inter-College Road Relay on August 7, when the team captured the attention of all by collecting 20 points. 4th. College (2nd. place) gained 5 points while 7th. & 5th. College shared the third place by 3 points.

The two teams of six from 3rd. College which won the first place consisted of: (Women) Angeline Kong, Cassandra, Thiruchelvi, Zuri-na, Lim Poh Hong & Heng Kooi Choo.

(Men) R. Sitrarasu, Suresh, Jaibet Saibin, Hashim, Indran & Saravanan.

In the Inter-College Track and Field Championships, the three-time champion, 3rd. College collected 19 gold medals out of 36 events. Their gold medallists are: Men's Events: R. Sitrarasu (5000m), R. Sitrarasu (10000m), No-razizi, Nayawai.